



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

## K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Ruangan 1)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT  
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:**  
Gejala Murtad (Tanpa Pengganti Saidina Abu Bakar As-Siddiq  
Mengatasinya)  
*YB. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)* (Ruangan 16)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA  
KE DALAM MESYUARAT** (Ruangan 18)

**USUL:**  
Ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda  
Yang Di-Pertuan Agong.  
*Y.B. Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah (Tambun)* (Ruangan 18)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr.  
Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P.,  
S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K.,  
S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri  
Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M.,  
S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M.,  
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P.,  
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik,  
S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak  
Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri  
Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji  
Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,  
Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M.,  
D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji  
Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P.,  
S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J.,  
S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S.,  
K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato'  
Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S.  
(Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P.,  
D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar  
bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S.,  
D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey,  
P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

“ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

“ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A, A.M.N, A.M.S, A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)



Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)

Yang Berhormat Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)

- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelevu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Penolong Ketua Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Salamat
	:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah
	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman
	:	Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah
	:	Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
	:	Hajah Supiah binti Dewak
	:	Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
	:	Mohamed bin Osman
	:	Hajah Norishah binti Mohd. Thani
	:	Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat	:	Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
	:	Mejar (B) Zakaria bin Salleh

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Rabu, 25 Mac 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

## D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****KEGAWATAN EKONOMI - BANTUAN JEPUN**

1. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sejauh mana negara Jepun membantu Malaysia dalam suasana kegawatan ekonomi sekarang seperti membuka pasaran negaranya kepada negara kita.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bantuan yang diberi oleh negara Jepun kepada Malaysia dalam menghadapi suasana kegawatan ekonomi sekarang boleh dilihat dari segi bantuan menyeluruh yang ditawarkan kepada negara-negara Asia Tenggara yang menghadapi masalah yang sama. Bentuk bantuan yang diberi termasuklah:-
  - (i) syarikat-syarikat Jepun dan syarikat-syarikat usahasama Jepun di negara-negara Asia Tenggara diberi sokongan kewangan melalui pinjaman oleh Bank Import Eksport Jepun. Peruntukan sejumlah 300 bilion Yen atau lebih kurang RM89 bilion telah diwujudkan pada tahun fiskal 1997/1998;
  - (ii) mewujudkan skim pembiayaan import yang disediakan oleh Bank Import Eksport Jepun untuk syarikat-syarikat di negara Jepun yang menghadapi masalah credit crunch, dengan izin, terus mengimport dari negara-negara Asia termasuk Malaysia; dan
  - (iii) negara Jepun telah mengambil tindakan menyelaraskan dengan agensi-agensi kredit eksport negara-negara yang lain untuk membolehkan penanggungan insurance underwriting perdagangan jangka pendek eksport negara-negara Asia dikekalkan.

- (b) Kerajaan Jepun menyokong cadangan untuk menggunakan mata wang Yen dalam perdagangan di antara Malaysia dengan Jepun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada mengatakan Jepun telah memberikan beberapa bantuan dalam suasana negara dan Asia Tenggara menghadapi keadaan ekonomi sekarang ini. Saya hendak bertanya pendekatan yang khusus kalau dibandingkan dengan Mexico, mereka berhadapan atau ada peluang akses yang besar kepada pasaran Amerika dan kalau kita hendak membantu kebangkitan ekonomi terutamanya Malaysia dan rantau Asia ini, adakah Jepun secara khusus dalam suasana kegawatan ekonomi di negara-negara Asia Tenggara ini memberikan satu pendekatan tertentu untuk membangunkan semula ekonomi negara Asean dan membuka secara luas pasaran di Jepun sendiri, sebab kita dengar di Jepun mereka ini masih lagi enggan untuk mengembangkan ekonomi negara mereka.

Oleh kerana itu kita tidak nampak sekarang ini peningkatan yang tinggi, eksport-eksport negara Asia kepada negara Jepun. Oleh itu saya minta penjelasan sedikit, adakah satu pendekatan khusus untuk membantu pasaran produk-produk Asia Tenggara khususnya Malaysia kepada negara Jepun.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi satu strategi Kerajaan Malaysia untuk meningkatkan eksport sebagai salah satu cara utama keluar daripada kegawatan ekonomi ini dan negara Jepun merupakan sebuah negara di mana banyak barangan eksport yang dikeluarkan dalam negara ini dan dihantar ke negara Jepun. Langkah-langkah bilateral dan juga langkah-langkah multilateral yang menggabungkan negara-negara Asean akan terus dipertingkatkan dan pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri memang menggalakkan agar lebih banyak eksport dihantar kepada negara Jepun. Sebagai contoh, dalam tahun 1997 eksport telah berada di tahap RM27,798 juta berbanding dengan tahun 1996 sebanyak RM26,378 juta. Segala langkah-langkah akan dijalankan.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat menerangkan tentang sejauh manakah prestasi pelaburan daripada negara Jepun sejak kita menghadapi masalah kegawatan ekonomi bulan September tahun lalu.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, negara Jepun merupakan pelabur asing yang terbesar bagi tempoh 1991 hingga 1997. Dalam tahun 1997 projek yang diluluskan adalah sebanyak 98 projek dengan jumlah modal pelaburan sebanyak RM2.1 bilion dan dalam tahun 1996 sebanyak 163 projek diluluskan dengan jumlah pelaburan modal sebanyak RM4.6 bilion. Bagi jangka masa 1991 hingga 1997 sebanyak 1,100 projek diluluskan dengan pelaburan modal sebanyak RM18.9 bilion.

#### **BILANGAN TASKA YANG DIDAFTARKAN DAN KURSUS UNTUK PENGASUH**

2. **Puan Lim Lay Hoon [Padang Serai]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan bilangan pusat asuhan kanak-kanak awam dan pusat asuhan kanak-kanak swasta yang didaftar di seluruh negara amnya dan khasnya di negeri Kedah Darul Aman. Adakah penyelia/pengetua pusat asuhan kanak-kanak diwajibkan mengikuti kursus atau seminar dari masa ke semasa dalam menyelaraskan dan menjamin mutu dan kualiti pusat asuhan kanak-kanak. Bilangan pusat asuhan kanak-kanak yang menghentikan perkhidmatan mereka mengikut negeri pada tahun 1997 dan sila nyatakan sebab-sebab mereka menghentikan perkhidmatan mereka dalam mengusahakan pusat asuhan kanak-kanak.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai sebanyak 266 Taska institusi di seluruh negara telah diluluskan lesen termasuk 18 dari negeri Kedah Darul Aman. Mengikut para 9 Peraturan-peraturan Taska di institusi, (Pindaan) 1993 setiap pengasuh di semua Taska diwajibkan menghadiri Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam tempoh satu tahun ia mula bertugas di Taska. Bilangan Taska yang menghentikan perkhidmatan mereka di seluruh negara, saya belum mendapat maklumat yang tepat dari negeri masing-masing, ini saya minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Kedah, pada tahun 1997 sebanyak sembilan sahaja iaitu empat di daerah Kuala Muda, tiga di daerah Kulim dan dua dari daerah Padang Terap. Taska tersebut menghentikan perkhidmatan kerana beberapa sebab peribadi seperti pindah dari kawasan dan sukar untuk mendapat kerja.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pusat asuhan kanak-kanak ini sangat kurang di seluruh negara, apakah tindakan diambil untuk pusat asuhan kanak-kanak awam dapat ditambahkan di seluruh negara dan adakah juga Yang Berhormat sedar bahawa di kebanyakan tempat-tempat di mana ada pusat asuhan kanak-kanak swasta, fee iaitu yuran yang dikenakan adalah terlampau tinggi, ada di satu tempat di negeri Perak di mana dikenakan lebih kurang RM300 sebulan untuk seorang kanak-kanak dan adakah apa-apa undang-undang yang tertentu untuk menyekat atau memberi peluang kepada semua rakyat Malaysia yang ingin menghantar anak-anak mereka dapat dihantar ke pusat asuhan kanak-kanak dan adakah apa-apa bantuan yang tertentu akan diberi kepada orang-orang yang hendak menghantar anak-anak mereka?

**Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat bertanggungjawab mendaftar, menyelia dan memeriksa taman asuhan kanak-kanak iaitu Taska. Mengikut Seksyen 4 Akta Taman Asuhan Kanak-kanak, semua Taska yang menerima kanak-kanak di bawah umur empat tahun perlu mendaftar dengan JKM di tempat masing-masing. Jadi, bagi contohnya di negeri Kedah, mengikut perangkaan di peringkat negeri Kedah semenjak tahun 1986 seramai 101 pengusaha Taska telah memohon untuk mendaftar Taska dan dari bilangan ini hanya 30 telah diluluskan lesen, yang lain masih dalam peringkat siasatan oleh agensi-agensi teknikal iaitu di majlis tempatan, Jabatan Bomba dan Jabatan Kesihatan. Jadi, oleh kerana itu mungkin apa yang Ahli Yang Berhormat tanyakan itu mungkin itulah Taska yang belum dilesen, jadi, oleh kerana itu, kalau mereka perlukan perkara ini, mereka tentu dapat tahu iaitu tiga penguatkuasa - majlis tempatan, Jabatan Bomba dan Jabatan Kesihatan, perlu memberi keputusan supaya Taska tersebut dapat dilesen. Jadi, oleh kerana itu mungkin apa Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi adalah mereka yang belum dilesen.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa kanak-kanak ini perlu diasuh supaya mereka menjadi rakyat yang berguna pada masa yang akan datang dan beberapa kursus telah pun dilaksanakan oleh kementerian kepada pengetua dan guru-guru bagi tujuan ini, apakah sebenarnya kurikulum yang penting yang dilaksanakan di taman asuhan yang dianjurkan oleh kerajaan dan juga swasta.

**Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kanak-kanak ini berumur empat tahun ke bawah, jadi kursus itu kalau mengikut kursus macam Tabika tentu ada berlainan, ini hanya empat tahun. Jadi, mereka ini kita semua tahu, ibu bapa mereka mungkin bekerja jadi apabila siang hari dihantar ke Taska ini, jadi apa yang perlu mereka akan diajar mengikut cikgu dan ibu bapa mereka bila pulang ke rumah. Jadi, perkara yang lain tentulah belajar macam A, B, C atau apa yang perlu, ertinya kanak-kanak yang kecil ini ialah macam dipelihara di rumah kita sendiri iaitu segala kursus yang terperinci saya tidak dapat memberitahu, tetapi apa

yang saya tahu kerana kanak-kanak ini masih kecil lagi tentu sekali perkara ini mengikut apa yang perlu kita beri kepada mereka.

### **SUKAN KOMANWEL XVI - PERSIAPAN DAN JUMLAH PERBELANJAAN**

3. Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sejauh manakah persiapan Sukan Komanwel XVI dan nyatakan jumlah perbelanjaan, sumbangan oleh sektor korporat serta keuntungan yang boleh diperolehi. Adakah Sukan Komanwel XVI akan berjaya sekiranya ahli-ahli sukan tidak akan menyertai Sukan Komanwel XVI seperti Jaguh Dunia atlet Australia Kathy Freeman, kerana menurutnya Sukan Komanwel bukannya sangat penting kerana "sama tahap dengan satu sukan sekolah tinggi".

**Menteri Belia dan Sukan [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada 20 April 1998.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, semua pihak yang terlibat dengan persediaan Kuala Lumpur '98, Sukan Komanwel ke XVI sedang pun rancak menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing untuk memastikan sukan ini berjalan dengan sempurna dan jaya. Dari segi perbelanjaan jumlah yang diperuntukkan adalah hampir RM2 bilion.

Perbelanjaan ini meliputi penyediaan venue-venue pertandingan, pusat penyiaran antarabangsa, sistem pengangkutan, kecantikan bandar, perubatan, upacara pembukaan dan penutup, promosi dan publisiti dan persediaan atlet, penyediaan pegawai-pegawai teknikal, keselamatan, trafik dan sebagainya.

Pihak Sukom '98 Berhad tidak mempunyai apa-apa masalah dengan sektor korporat yang telah pun menandatangani perjanjian dengan syarikat tersebut untuk menjadi penaja. Setakat ini Sukom telah pun dapat mengumpul sumbangan daripada sektor korporat sebanyak hampir RM280 juta dalam bentuk wang tunai dan juga barangan.

Walau bagaimanapun, disebabkan oleh keadaan ekonomi yang sedang pun melanda negara sekarang ini, pihak Sukom '98 Berhad turut mengalami sedikit kesukaran bagi memperolehi penyumbang daripada syarikat-syarikat yang baru. Kerajaan telah pun mengarahkan semua Jawatankuasa Pengelola Kuala Lumpur '98 mengawasi perbelanjaan yang diperuntukkan supaya ianya tidak menjejaskan pelaksanaan temasya sukan tersebut.

Kerajaan tidak melihat sukan ini dari segi keuntungan kewangan semata-mata, tetapi apa yang penting ialah memastikan negara dapat menganjurkan sukan yang besar ini dengan sempurna dan juga jaya. Kejayaan kita akan secara langsung membawa faedah jangka panjang dari segi prestij negara, keupayaan kita menganjurkan sukan-sukan antarabangsa di masa-masa hadapan, pertambahan kemudahan-kemudahan sukan yang bertaraf antarabangsa, penarikan pelancong-pelancong dan sebagainya.

Berhubung dengan isu atlet Australia Kathy Freeman yang menyatakan tidak akan menyertai sukan ini, kerajaan difahamkan bahawa atlet ini telah pun memohon maaf terhadap kenyataan yang dibuat oleh pengurusnya dan memberikan persetujuan untuk mengambil bahagian. Kita yakin daripada jaminan yang diberikan oleh banyak negara yang akan menyertai Sukan Kuala Lumpur '98, maka ramai juga jaguh-jaguh



sukan negara-negara tersebut akan hadir di Kuala Lumpur kelak. Oleh yang demikian, saya amat yakin bahawa Kuala Lumpur '98 akan menjadi satu acara Sukan Komanwel yang berjaya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri kerana saya amat tertarik dengan kenyataan beliau tadi bahawa dari segi keuntungan adalah tidak dilihat sebagai penting. Adakah ini bermakna bahawa pihak kementerian atau kerajaan menjangka akan mengalami kerugian, apakah jumlah kerugian yang akan dialami dan adakah di antara sebabnya kerugian yang dialami adalah disebabkan oleh salah pengurusan oleh Sukom '98 di mana ada banyak rencana-rencana surat khabar yang ditulis misalnya oleh Fauzi Umar dan Ranjit Singh daripada *New Straits Times* yang mengkritik pengurusan Sukom di mana di antaranya ialah cenderahati tidak disediakan, RTM dan TV3 masih belum menyediakan program untuk menyiarkan sukan-sukan dan juga salah pengurusan wang sepertimana yang berlaku dalam penyewaan Dewan di Mines yang dimiliki oleh Tan Sri Lee Kim Yew sebanyak RM43,000 satu hari dan bukannya oleh kerana salah pengurusan ini adalah lebih baik bahawa Pengerusi Sukom iaitu Tan Sri Hashim bin Mohd. Ali diganti dengan orang lain yang lebih berupaya. Sekian.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan tadi bahawa walaupun soal kewangan itu penting ataupun keuntungan itu mungkin boleh kita harapkan daripada penganjuran sukan ini tetapi itu bukanlah kriteria yang utama, kalau boleh untung baguslah, tetapi kalau tidaknya jangan rugi, dalam erti kata 'break even' dalam segi soal kos pengurusan kerana ia melibatkan soal penganjuran sukan yang besar dan juga kos yang boleh dikatakan tinggi.

Saya tidak bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan ia akan menyebabkan kerugian dan ini antara faktornya ialah kerana pengurusan Sukom '98 Berhad yang tidak cekap. Dari masa ke semasa kerajaan yang mempunyai wakil dalam syarikat ini sentiasa mengambil perhatian secara serius tentang pengurusan dan perjalanan Sukom, tentang perbelanjaan yang digunakan untuk membiayai pengelolaan sukan ini dan juga tentang program-program yang telah pun disusun supaya dapat ia berjalan dengan lancar.

Saya ingin menyebutkan di sini bahawa walaupun Sukom adalah sebuah syarikat, ia adalah sebuah syarikat yang telah ditubuhkan oleh pihak kerajaan dan Majlis Olimpik Malaysia sebagai pemegang saham dan mengikut struktur organisasi Sukan Komanwel yang tertingginya ialah Majlis Sukan Komanwel yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan beberapa menteri dan juga wakil-wakil daripada Sukom dan juga Olympic Council of Malaysia (OCM).

Oleh sebab itu, dengan keadaan struktur sebegini, kita dapat memastikan supaya setiap aspek penganjuran sukan ini dapat diatur dengan baik. Tetapi saya ingin menyatakan juga bahawa oleh sebab kita masih lagi dalam peringkat persiapan, Tuan Yang di-Pertua, tentulah dalam peringkat-peringkat persediaan dan persiapan ini kita akan menghadapi pelbagai masalah, pelbagai perkara yang perlu kita bereskan, kalau tidak mungkin semuanya telah siap dan itu tidaklah merupakan satu kenyataan yang benar dan oleh sebab itu dalam proses persiapan itu kita kena kenalpasti apakah perkara-perkara yang harus kita selesaikan.

Soal sebagai contoh menyiapkan venue, kita menghadapi masalah, penganjuran sukan kerana waktu mana kita hendak menganjurkan venuenya belum sedia ada, kita kena bina kemudahan-kemudahan sukan itu dan ini kena diteliti secara dekat supaya pelaksanaannya dapat berjalan dengan lancar. Demikian juga tentang penyediaan untuk pusat penyiaran antarabangsa yang tidak ada di dalam negara kita

yang perlu dibina, tetapi dalam keadaan yang sama kita kena menguruskan Sukan Komanwel. Jadi, ini satu tugas yang bukan kecil yang perlu dilaksanakan.

Oleh sebab itu, kita telah pun mengambil kira semua perkara ini dan saya sendiri telah pun diberikan tugas oleh Jemaah Menteri untuk meneliti setiap perkara-perkara yang berbangkit dari segi penganjuran sukan ini. Oleh sebab Sukom '98 Berhad dianggap oleh Commonwealth Games Federation, dengan izin, sebagai badan pengelolanya, maka dialah bertanggungjawab dalam banyak hal tetapi oleh sebab terlibatnya kerajaan dalam soal penganjuran sukan ini dan hendak memastikan supaya pengurusannya berjalan dengan lancar, apa lagi dari segi soal penggunaan kewangan yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh sektor swasta dalam bentuk penajaan dan tidak akan berlaku penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa dalam soal pengurusan itu, maka kita terpaksa melihat secara boleh dikatakan satu persatu dan kadang-kadang mungkin Ahli Yang Berhormat pun telah mengikuti beberapa teguran yang saya sendiri buat, saya tidak hendak selindungan, biar saya sebutkan, ini perlu diperbaiki, sewaan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi pun dibangkitkan, agaknya umum mengetahui masalah yang timbul, yang saya sudah pun cuba atasi dan pihak Mines Resort telah pun bersetuju untuk mengadakan satu kadar yang lebih munasabah, soal tiket sebagai contoh, soal sewaan hotel sebagai contoh, boleh dikatakan banyak perkara-perkara yang telah pun berbangkit terpaksa kita lihat secara lebih terperinci dan alhamdulillah, saya boleh menyebutkan di sini bahawa banyak perhatian dan juga nasihat yang kita berikan kepada pihak Sukom '98 Berhad untuk memperbaikinya sudah pun diambil.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya hendak sebutkan juga daripada tempoh sekarang sampai tempoh September tentulah lebih kritikal lagi, lebih banyak perkara yang perlu kita teliti dan saya tidak boleh hendak menafikan kemungkinan ada masalah-masalah yang timbul dan sebab itu kita perlulah melihat secara lebih pragmatik apa yang berbangkit dan bagaimana cara hendak menyelesaikan supaya penghujung yang lebih penting, bukan sekarang, sukan itu dapat dianjurkan dengan baik.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Menteri bahawa Sukom '98 Berhad ini tidak ada masalah dengan badan-badan korporat daripada segi tajaan.

Saya ingin mendapat penjelasan kerana kadang-kadang kita terbaca di dalam akhbar-akhbar tempatan seolah-olah hubungan di antara Sukom dengan pihak kementerian ini seolah-olah macam ada masalah. Jadi, macam baru-baru ini kita baca kes menerima baton daripada UK pun ada juga menimbulkan masalah, jadi, saya suka mendapat penjelasan apakah benar wujud masalah di antara pihak kementerian dengan pihak Sukom '98 Berhad ini?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, sedangkan lidah lagi tergigit. *[Ketawa]* Ini bukan soal suami isteri, tetapi soal perhubungan rapat, sebab rapatnya itu maka nampak lihat pelbagai perkara dan kerana kita semua komited, baik Sukom yang ditubuhkan sebagai sebuah syarikat ataupun kerajaan dan khususnya kementerian diberi tanggungjawab dan kita hendak pastikan setiap perkara itu dibuat dengan secara yang terelok mungkin.

Saya tidak dapat elakkan dan nafikan kemungkinan ada berbeza-beza pandangan, fasal ada organisasi yang diberikan tanggungjawab sebagai Sukom untuk mengelolakan dan ia pun ada dia punya objektif dan perancangan tetapi kita juga sebagai kerajaan untuk mengawasi. Tetapi walaupun begitu saya kata, kita sudah pun mengambil langkah dari satu peringkat ke satu peringkat untuk menyelesaikan masalah itu supaya tidaklah dilihat sebagaimana Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi seolah-olah ianya dirundung dengan masalah yang tidak berkesudahan. Sebenarnya tidak begitu, saya tidak mahu juga menafikan mungkin kadang-kadang media

memainkan peranan. Apa yang ditonjolkan oleh media saya hendak sebutkan di sini bukannya 100% tepat, kadang-kadang ada juga usaha untuk hendak melaga-lagakan, seolah-olah ada masalah di sana ataupun masalah di sini.

Oleh sebab itu, perhubungan kita dengan media memberikan taklimat dan maklumat yang terperinci tentang apa yang sebenar yang telah pun dibuat oleh pihak kita ataupun pihak Sukom itu amat penting supaya tidak ada pihak yang menganggap kita cuba hendak menutup kelemahan-kelemahan kita ataupun tidak mahu hendak menyalahkan sesuatu yang dikatakan hakikat atau kenyataan yang sebenarnya.

Jadi, dalam soal begini saya hendak menyatakan walaupun ada masalah, masalah itu masalah anak-beranak dan kita memang ambil langkah seberapa mungkin yang boleh untuk mengelakkan daripada timbul pertelagahan ataupun masalah-masalah yang boleh menjejaskan. Saya fikir semuanya hendak bekerja untuk mencapai matlamat yang sama dan oleh sebab itu apa pun yang berbangkit saya kira adalah untuk ke peringkat ini dan akhirnya kita harap perkara ini dapat diselesaikan dan sukan ini dapat diadakan dengan cara yang sempurna.

#### **PENDATANG TANPA IZIN - HUKUMAN TERHADAP SINDIKET**

4. **Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramaiakah rakyat tempatan atau mereka yang bertaraf penduduk tetap yang terlibat dengan sindiket yang membawa masuk pendatang tanpa izin ke negara ini. Dan apakah bentuk hukuman ke atas mereka yang terlibat mengikut peruntukan undang-undang yang ada dan adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap mereka yang bersubahat dan mengkhianati negara ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 1997 seramai 40 orang penduduk tempatan yang terlibat dalam sindiket yang membawa masuk pendatang tanpa izin dan seorang penduduk tetap yang terlibat di dalam sindiket berkenaan. Manakala pada tahun 1998 sehingga bulan Mac tiada terdapat penduduk tempatan mahupun penduduk tetap yang terlibat di dalam sindiket ini. Di bawah Akta Imigresen 1959, 1963 (Pindaan) 1997 hukuman yang dikenakan ke atas pihak yang terlibat ialah Seksyen 5A (4) yang mana mereka yang disabitkan kesalahan dikenakan denda tidak kurang dari RM30,000 tetapi tidak lebih dari RM100,000 dan penjara bagi tempoh tidak kurang dari dua tahun tetapi tidak lebih dari sepuluh tahun dan denda dengan sebatan tidak lebih dari enam sebatan. Kerajaan tidak bercadang untuk mengenakan hukuman yang lebih berat kerana hukuman yang sedia ada memadai.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan tambahan dari Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang penduduk tetap dan orang tempatan, berapa banyak di antara tekong-tekong ini yang merupakan warganegara Malaysia dan apakah pihak kementerian mempunyai hak untuk melucutkan PR bagi golongan yang terlibat dengan aktiviti ini dan berapa banyakkah tindakan yang telah diambil sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi misalnya denda lebih RM30,000, sebatan dan juga penjara.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi, bagi tahun lepas seramai 40 orang penduduk tempatan yang terlibat dalam sindiket dan seorang penduduk tetap, tetapi bagi tahun ini setakat ini kita belum lagi menangkap penduduk tempatan ataupun penduduk tetap dan bagi penduduk tetap ataupun mereka yang memegang I/C merah, kerajaan mempunyai hak untuk mengusir mereka jika didapati perlu.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Apakah hukuman yang dikenakan kepada

pegawai-pegawai polis marine yang perlu menjalankan tugas penguatkuasa tetapi mereka yang membawa masuk pendatang asing tanpa izin.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak membezakan di antara orang awam dengan anggota-anggota keselamatan. Mereka yang bersalah tetap akan diambil tindakan mengikut undang-undang negara.

#### **BAKAL JEMAAH HAJI - KRITERIA PEMILIHAN**

5. **Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kriteria yang digunakan oleh Lembaga Tabung Haji bagi menentukan seseorang bakal jemaah haji dipilih untuk menunaikan ibadah haji kerana terdapat rungutan dari orang ramai bahawa banyak jemaah haji yang terpilih telah beberapa kali menunaikan ibadah hajinya.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]:** Tuan Yang di-Pertua, Tabung Haji telah memperkenalkan pendaftaran haji terbuka iaitu bakal-bakal haji boleh mendaftar untuk menunaikan haji pada bila-bila masa sepanjang tahun. Keutamaan pemilihan menunaikan haji tertakluk kepada tarikh dan masa pendaftaran tahun pilihannya berdasarkan siapa mendaftar dahulu didahulukan. Jika mereka tidak terpilih pada tahun pilihannya, pendaftaran haji akan dibawa ke tahun berikut.

Tabung Haji akan menolak mana-mana permohonan sama ada dari ketua kumpulan atau individu yang telah menunaikan haji lebih dari dua kali berturut-turut.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Tabung Haji kerana pada tahun ini telah pun menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada mereka yang menunaikan haji pada tahun ini. Apakah perkhidmatan ataupun layanan yang baik ini kepada mereka pada tahun ini dan adakah akan diteruskan pada masa akan datang?

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang paling ketara sekali perkhidmatan yang terbaik ialah pada tahun ini Tabung Haji menanggung semua makan minum semua bakal haji mula dari dia tiba dari Tanah Suci hingga dia pulang. Jadi, sekarang ini kita menyediakan makanan tiga kali iaitu pagi, tengah hari dan malam untuk 24,000 orang, tiga kali kira-kira hampir 70,000 paket makanan disediakan setiap hari. Petugas-petugas sedang berjalan dan belanja kos untuk tujuan ini kira-kira RM18 juta.

Yang kedua ialah perkhidmatan kewangan bahawa bakal-bakal haji dibenarkan mengeluarkan wangnya di Tanah Suci bila-bila masa jua dan berapa kali pun tidak terhad dan akaun ini adalah online computer dari Kuala Lumpur dengan pusat-pusat Tabung Haji di Mekah.

Yang ketiga ialah laporan mengenai haji dengan kerjasama Telekom Malaysia dan RTM, laporan haji setengah jam setiap hari dilaporkan daripada Mekah dan Madinah, untuk makluman waris-waris di tanah air.

Perkara yang satu lagi ialah perkhidmatan baru oleh syarikat penerbangan yang baru mengendalikan haji lebih murah daripada tahun-tahun yang lepas iaitu Syarikat Transmile bersama dengan Arab Saudi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, berkenaan dengan adakah kemudahan ini akan diteruskan, soalnya Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Ya, insya-Allah kita berhasrat bahawa semua perkhidmatan akan diteruskan cuma hal makanan ini kita akan melihat tahun ke tahun, tetapi insya-Allah kalau keadaan kadar keuntungan

Tabung Haji sepertimana berjalan sekarang, maka soal makanan ini tetap akan kita teruskan.

**Datuk Abu Seman bin Haji Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terdapat jemaah-jemaah haji yang tidak dapat pergi menunaikan ibadah haji pada tahun yang dikehendaki, mereka itu pergi melalui Thailand, adakah kerajaan kita membenarkan jemaah-jemaah haji daripada negara kita untuk pergi menunaikan ibadah haji ini melalui Thailand ataupun tidakkah kerajaan mengadakan satu perundingan dengan badan-badan di Thailand supaya kemudahan seperti itu boleh diatur untuk jemaah haji dari negara kita dapat menunaikan haji melalui badan-badan di Thailand itu.

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan Kerajaan Arab Saudi bahawa rakyat sebuah negara itu mestilah menunaikan haji melalui kuota yang diuntukkan kepada sesebuah negara itu kecuali rakyat sesebuah negara bermastautin di sebuah negara yang lain lebih dari enam bulan maka dibenarkanlah pasport Malaysia digunakan untuk mendapatkan visa daripada negeri di mana dia bermastautin. Tetapi kita mendapat laporan bahawa ada rakyat Malaysia yang tidak bermastautin di negara lain dan telah berjaya mendapat visa untuk pergi menunaikan haji, maka kita anggap ini tidak selaras dengan kehendak Arab Saudi dan kehendak kita dan kita cuba menghalang perkara ini tidak berulang lagi di masa-masa hadapan.

#### **KENAIKAN HARGA BARANGAN KEPERLUAN - PEMBERIAN SUBSIDI**

6. **Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan demi untuk mengurangkan beban ke atas pengguna di mana apabila kenaikan harga barangan, terutama sekali yang dianggap "essential goods", berlaku, tidakkah boleh kerajaan mempertimbangkan subsidi supaya harga "essential goods" yang dikehendaki oleh rakyat sebagai pengguna khususnya yang miskin tidak naik.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah diketahui umum, nilai mata wang ringgit telah merosot berbanding dengan beberapa mata wang utama dunia seperti Dollar Amerika. Akibatnya harga barang-barang yang diimport termasuk yang mengandungi bahan mentah atau menggunakan alat dan barang yang diimport amnya telah naik. Kenaikan ini meliputi barang-barang keperluan yang dikawal harga seperti tepung gandum, gula, susu pekat manis dan ayam. Permohonan kenaikan harga barang-barang ini terpaksa diluluskan kerana jika tidak syarikat-syarikat pengeluar akan mengalami kerugian dan akan mengurangkan atau memberhentikan pengeluaran dan akibatnya bekalan akan berkurangan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah berunding dengan syarikat-syarikat pengeluar berkenaan agar kenaikan harga yang diluluskan adalah paling minimum bertujuan menjaga kepentingan rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah.

Di samping itu, kementerian ini sedang mengambil tindakan untuk mewajibkan pengeluar, pengilang, pengimport atau penjual borong menandakan harga runcit yang disyorkan atau recommended retail price, dengan izin, ke atas barang-barang tersedia bungkus sebagai langkah awal untuk melarang kegiatan mencatut atau profiteering di kalangan peniaga.

Mengenai cadangan memberi subsidi supaya harga barang-barang keperluan tidak dinaikkan, kerajaan tidak bercadang memberi subsidi tersebut kerana ia akan mengakibatkan tambahan perbelanjaan negara. Kerajaan selama ini telah berusaha untuk menghapuskan subsidy mentality di kalangan rakyat.

Di samping itu, pemberian subsidi mungkin bertentangan dengan dasar liberalisasi perdagangan dan dasar persaingan adil di bawah agenda Pertubuhan Perdagangan Dunia (World Trade Organisation).

**Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu rakyat miskin terutama sekali di negeri Sabah misalnya, bolehkah kementerian membenarkan importation mengenai dengan barang-barang seperti barang-barang essential seperti beras dan sebagainya, secara langsung daripada negara-negara berkenaan supaya perbelanjaan yang bersangkutan-paut dengan kos pengangkutan itu dapat dikurangkan dan justeru itu harga barang-barang itu pun juga akan berkurangan.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak membezakan di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia mengenai harga barang-barang dan juga keperluan rakyat. Tetapi kalau apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah terlalu umum, kalau ada sesuatu perkara yang tertentu kita dapat pertimbangkan oleh kerana perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai beras, beras adalah barang kawalan harga yang diuruskan oleh agensi yang tertentu.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Dalam soal kenaikan harga barang di kawasan-kawasan luar bandar, mahupun di kawasan-kawasan penempatan peneroka FELDA begitu jelas.

Saya ingin bertanya setakat hari ini kita berapakah jumlah Majlis Hal Ehwal Pengguna dan Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna di setiap daerah di negara kita. Jadi, saya ingin bertanya apakah setakat hari ini pelaksanaannya dan bagaimanakah sumbangan Majlis ini kepada kerajaan di dalam mengatasi masalah kenaikan harga barangan keperluan harian dari masa ke semasa yang telah meningkat naik dan menjejaskan keselesaan pengguna di kawasan-kawasan luar bandar. Terima kasih.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, Majlis Pengguna di peringkat daerah merupakan satu majlis yang diketuai oleh pegawai daerah dan dianggotai oleh pemimpin-pemimpin tempatan. Prestasi mereka berbeza-beza, ada majlis di peringkat daerah yang begitu aktif dan menjalankan banyak kegiatan bagi pengguna mendedahkan masalah-masalah dan amalan-amalan yang perlu diikuti oleh pengguna dan peniaga tetapi, ada, saya tidak boleh menafikan bahawa ada majlis pengguna di peringkat daerah yang tidak begitu aktif tetapi dari segi kenaikan harga di luar bandar, pihak kementerian telah pun meningkatkan penguatkuasaan di luar bandar termasuk di estet, FELDA, FELCRA, kampung baru dan luar bandar.

Kementerian, dalam menjalankan operasi dan juga pemeriksaan premis-premis perniagaan, telah mengkategorikan luar bandar, estet, FELDA, FELCRA, kampung baru berasingan untuk mengetahui berapa banyak premis-premis perniagaan diperiksa oleh pegawai-pegawai penguatkuasaan untuk menentukan harga tidak naik luar daripada apa yang diluluskan. Kita akan terus kawal dan mengawasi hal ini di luar bandar dan di bandar.

#### PEMBELIAN SAHAM MILIK SYARIKAT BUMIPUTERA - RASIONAL

7. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah rasional di sebalik keizinan yang diberikan kepada bukan bumiputera untuk membeli saham milik syarikat bumiputera yang mengalami masalah kewangan. Sila huraikan apakah masalah tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang dua soalan dan Jelutong yang dijadualkan dijawab pada

26.3.1998, Libaran yang dijadualkan pada 30.3.1998 dan Cheras yang dijadualkan pada 1.4.1998 dan Rantau Panjang serta Ledang yang masing-masing pada 30.4.1998 dan 7.5.1998 kerana menyentuh isu-isu yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, rasional di sebalik keizinan yang diberikan kepada syarikat bukan bumiputera untuk membeli saham syarikat milik bumiputera ialah kerana ada di antara syarikat-syarikat bumiputera yang menghadapi masalah kekurangan kecairan atau modal akibat kegawatan ekonomi masa kini yang memerlukan suntikan modal baru supaya dapat meneruskan perniagaan mereka. Dalam keadaan ekonomi sekarang, cadangan tersebut adalah sesuai dan pragmatis. Jika tidak, syarikat-syarikat berkenaan terpaksa menutup perniagaan atau menghadapi kebangkrutan. Kelonggaran tersebut juga bukan sahaja dilihat untuk membantu syarikat bumiputera bermasalah, tetapi sebagai usaha meningkatkan pelaburan bagi membantu pemulihan ekonomi.

Sebenarnya aktiviti pembelian dan penjualan ekuiti sama ada bumiputera dan bukan bumiputera atau sebaliknya memang berlaku sebelum isu ini dibangkitkan dalam akhbar-akhbar tempatan. Urusniaga tersebut dibuat di pasaran terbuka mengikut pertimbangan perniagaan dan telah memberi faedah kepada semua pihak yang terlibat walaupun lebih terhad kepada ekuiti syarikat yang dimiliki oleh individu bumiputera sebagai usaha untuk memperkukuhkan dan menyelamatkan perniagaan masing-masing dalam menghadapi kegawatan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi telah menjejaskan bukan sahaja syarikat-syarikat bumiputera tetapi juga syarikat-syarikat bukan bumiputera. Setakat ini bilangan sebenar syarikat-syarikat bumiputera yang menghadapi masalah kewangan yang serius tidak dapat ditentukan memandangkan kegawatan ekonomi mula melanda negara kita pada pertengahan tahun 1997. Walau bagaimanapun, terdapat banyak syarikat lain dengan pengurusan yang cekap tidak terjejas malahan mendapat manfaat daripada kejatuhan nilai mata wang ringgit melalui peningkatan eksport dan peningkatan pulangan daripada pelaburan luar negara.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, berapakah pencapaian mengikut peratusan yang dimiliki oleh bumiputera dan apakah kerajaan telah berpuas hati dengan pencapaian peratusan itu?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana seperti yang saya katakan tadi bahawa sukar untuk menentukan kedudukan ekuiti bumiputera dan peratusannya dalam syarikat-syarikat negara kita berbanding dengan ekuiti bukan bumiputera dan pelabur-pelabur asing kerana ekuiti-ekuiti tersebut sentiasa berubah mengikut keadaan permintaan pasaran. Namun begitu, setakat 31 Disember 1996, pemilikan bumiputera adalah sebanyak 36.7%, bukan bumiputera 44.1% dan pelabur asing 19.2%.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sama ada pihak peniaga bukan bumiputera akan dipaksa untuk membeli syarikat-syarikat bumiputera yang menghadapi masalah dan adakah syarikat-syarikat bukan bumiputera yang membeli saham-saham di syarikat bumiputera akan diminta untuk memulangkan hak milikan mereka selepas mereka menyelamatkan syarikat-syarikat bumiputera tersebut dan sehingga sekarang, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu apakah jumlah dari segi, apakah sektor-sektor yang dikenal pasti sebagai perlu mendapat perhatian daripada syarikat-syarikat bukan bumiputera?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, dasar tunggal tetap sah daripada Dasar Ekonomi Baru kepada Dasar Ekonomi Negara dan kegawatan ekonomi sekarang ini adalah merupakan satu ataupun sedikit perubahan -

'slight adjustments atau slight alignments', dengan izin. Kalau kita lihat negara kita mengamalkan Dasar Ekonomi Terbuka dan mengamalkan liberalisasi, jadi perkataan paksaan itu terlampau 'loaded' dan tidak timbul. Kalau kita lihat misalnya, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan institusi separa awam apabila pembelian berlaku tidak hanya mengambil kepentingan dalam institusi tersebut bukan juga pembelian tersebut hendaklah juga memaksimumkan nilai bagi pemegang saham dan unit amanah mereka. Dengan kata lain, dana awam tidak akan digunakan untuk menyelamatkan mana-mana syarikat yang nazak. Terima kasih.

#### PELANCONG - LANGKAH MENINGKATKAN

8. **Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah pelancong yang datang ke Malaysia sepanjang tahun 1997; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan lagi jumlah pelancong ke Malaysia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut rekod Jabatan Imigresen setakat bulan Januari hingga Mei 1997, seramai 2,471,517 orang pelancong telah melawat Semenanjung Malaysia dengan sumbangan terbesar pelancong daripada Singapura seramai 1,507,064 orang, Thailand 195,296 orang dan diikuti pula oleh Jepun 117,663 orang, Indonesia 84,859 orang, Taiwan, 75,597 orang, manakala China 60,339 orang, United Kingdom 58,192 orang, Australia 45,491 orang, diikuti dengan Hong Kong dan Amerika Syarikat yang masing-masing memberi sumbangan pelancong seramai 38,000 dan 35,000 orang.
- (b) Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan melalui Lembaga Penggalakan Pelancong Malaysia telah mengambil langkah meningkatkan penyertaan di dalam pameran pelancongan antarabangsa, menganjurkan seminar pelancongan, promosi masakan dan kebudayaan, misi jualan pelancongan, penganjuran acara-acara pesta Malaysia, pesta flora dan karnival membeli-belah.

Selain daripada itu, lawatan ke tempat produk-produk pelancongan di Malaysia adalah diberi kepada ejen-ejen pelancongan luar negeri, lawatan dan media asing dan juga kepada pegawai-pegawai tinggi kerajaan seperti United Arab Emirate dan krew perfileman telah diadakan.

Dalam keadaan kegawatan ekonomi yang melanda negara, pelan pemasaran tahun 1998 telah dikaji semula. Fokus diberi untuk menyelaraskan kegiatan luar negara supaya lebih menjurus kepada pasaran yang lebih berpotensi sesuai dengan arahan Majlis Tindakan Ekonomi Negara. Di samping itu juga, pendedahan melalui media elektronik dipergiatkan lagi melibatkan CNBC, StarTV, ESPN dan Eurosport bagi mengimbangkan tindakan yang sama diambil oleh negara-negara jiran.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan daripada Indonesia, tahun lepas oleh kerana jerebu, Singapura



mengalami kerugian sebanyak \$1.5. bilion. Jadi, pernah dibangkitkan dalam Dewan ini bertanya berapakah kerugian Malaysia oleh kerana jerebu. Saya ingin bertanya soalan ini oleh kerana dulu tidak dijawab oleh kerana terlalu awal untuk bertanya, berapakah kerugian kita oleh kerana insiden jerebu yang berlaku di negara ini?

Yang kedua, jerebu ini tidak berlaku di musim tengkujuh ataupun musim landas. Adakah kerajaan mencadangkan untuk memikir tarikan pelancong pada musim hujan dan musim tengkujuh yang mana berlaku pada masa musim sejuk di negara Barat.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut dari pandangan kementerian memang kerana jerebu, kedatangan pelancong-pelancong luar ke negara kita berkurangan. Walau bagaimanapun, kementerian tidak ada perangkaan yang tepat mengenai berapakah jumlah kerugian yang dialami oleh pihak-pihak peniaga. Memang tidak ada angka yang tepat. Oleh yang demikian, saya memohon maaf kepada Ahli Yang Berhormat yang bertanya kerana kita tidak ada perangkaan begitu.

Berkenaan dengan musim hujan atau musim tengkujuh, kita buat promosi supaya mereka dari luar negara datang tengok hujan kita [*Ketawa*] saya rasa tidak banyak bezanya, Tuan Yang di-Pertua, di antara hujan di negara kita dengan hujan di negara lain. Kadang-kadang banjir kilat melanda memang susah untuk pelawat-pelawat pergi dari satu tempat ke satu tempat. Walau bagaimanapun, sama ada negara menghadapi jerebu atau tidak, kita sentiasa mempromosikan tempat-tempat yang menarik yang kita fikir dapat menandingi tarikan tempat-tempat lain kerana kita perlu ingat bahawa seseorang pelancong datang dari luar negara yang jauh hendak datang ke sini mempunyai banyak pilihan (option). Jadi, hanya yang dapat menarik minat mereka, yang dapat memuaskan kehendak mereka sahaja yang boleh mendatangkan mereka ke sini. Kalau dengan perkara-perkara yang biasa yang tidak ada keunikannya, saya rasa atau kementerian sendiri berfikir tidak dapat membawa pelancong-pelancong yang ribuan batu jauhnya daripada negara kita untuk datang ke sini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan kriteria yang digunakan untuk istilah pelancong, misalnya, dari Singapura disebutkan sebagai 1.5 juta orang yang datang. Adakah ini termasuk orang Singapura yang datang ke Johor, misalnya, satu, dua jam atau tiga, empat jam untuk membeli-belah dan adakah kemudahan-kemudahan untuk destinasi pelancong ini akan dipertingkatkan kerana setakat ini di kebanyakan tempat, kemudahan-kemudahan termasuk makanan dan sebagainya tidak lengkap dan tidak begitu menarik.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, mengenai prosedur imigresen [*Disampuk*]. Ini memang ada kait-mengait dengan kemudahan dan prosedur-prosedur imigresen kerana pada akhir-akhir ini kerana kita takut orang-orang yang lari daripada negara asal ke negara ini, prosedur-prosedur itu diperketatkan kerana itulah kalau kita ketatkan prosedur-prosedur ini memang.....

**Seorang Ahli:** Merapu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** .....ia akan menjejaskan pelancong-pelancong yang sebenarnya. [*Disampuk*] Itu memang masalah yang rumit, banyak yang tidak begitu faham.....

**Seorang Ahli:** Merapu, merapu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat ya. [*Ketawa*] Ya, sila.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak kementerian memang mengalu-alukan penglibatan Yang Berhormat dari Kepong dalam Dewan ini membincang dan membahaskan banyak masalah tentang

pelancongan. Kami dok ingat daripada dulu lagi dia tahu istilah pelancong ini, apa maknanya tetapi selama ini beliau sudah bercakap banyak dalam Dewan ini, beliau masih lagi tidak tahu apakah istilah pelancong ini. Jadi, tidak apa. Saya ambil masa sedikit untuk menerangkan, yang dimaksudkan dengan pelancong dan masuk dalam statistik kita ialah mereka yang datang dari luar negeri dan tinggal di sini lebih daripada 24 jam. Kalau kurang daripada 24 jam walaupun seminit, dia tidaklah diiktiraf sebagai pelancong yang kita maksudkan itu. Begitu juga dengan rakyat kita yang pergi melancong keluar, yang berulang-alik ke Singapura, yang berulang-alik pergi ke Thailand itu balik hari tidak termasuk dalam statistik pelancong-pelancong kita ke luar negara.

Berkenaan dengan kemudahan-kemudahan, memang dari masa ke semasa kita mendapat maklumat, membuat kajian untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan yang dapat dinikmati oleh pelancong-pelancong. Oleh kerana kemudahan-kemudahan ini bukan diadakan ataupun dapat diberi kesemuanya oleh kementerian, kita memberi maklumat ini kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan. Misalannya, tempat makan, kita beri maklumat ini kepada majlis-majlis tempatan yang berkenaan agar meningkatkan kemudahan-kemudahan ini dan begitu juga dengan transportation dan yang lain-lain lagi.

Berkenaan dengan kemasukan orang luar ke negara ini, bagaimana memperketatkannya dan yang lain-lain lagi, saya rasa Ahli Yang Berhormat tahu, faham kena bertanya kepada kementerian yang lain. Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih jugalah atas kerjasama Yang Berhormat.

#### **PELAJAR DI LUAR NEGARA - LANGKAH MENGATASI MASALAH KEWANGAN**

9. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut] minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan pelajar kita di luar negara yang menghadapi masalah kewangan dan memohon untuk menyambung pelajaran di institusi pengajian tempatan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian bagi menangani masalah ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat 22 soalan yang menyentuh isu berhubung kedudukan pelajar-pelajar Malaysia di luar negara ekoran daripada masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara pada waktu ini. Oleh kerana soalan-soalan tersebut menyentuh isu yang sama, maka saya mohon, Tuan Yang di-Pertua, supaya soalan-soalan ini dijawab secara serentak dan saya fikir tidak payah saya sebutlah 22 soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, persoalan mengenai kemungkinan pelajar-pelajar kita dibawa balik dari seberang laut masih di dalam penelitian kerajaan dan perkara ini perlu difikirkan sedalam-dalamnya sebelum sesuatu tindakan diambil. Walau bagaimanapun, langkah-langkah penyelesaian sedang diatur secara berperingkat-peringkat demi untuk menjaga kepentingan setiap pelajar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pelajar kita di luar negara terbahagi kepada dua kumpulan. Pertama, pelajar tajaan kerajaan dan kedua, pelajar persendirian. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga 23.3.1998 sebanyak 368 pertanyaan telah diterima daripada pelajar persendirian di seberang laut yang ingin menyambung pengajian di Malaysia dan dari jumlah tersebut seramai 254 telah mengemukakan permohonan rasmi untuk menyambung pengajian di IPT tempatan. Dari segi tempat di universiti, sebanyak 2,373 tempat telah ditawarkan oleh

IPTA dan IPTS bagi pelajar yang ingin pulang dalam pelbagai bidang kecuali perubatan, pergigian, farmasi, undang-undang dan beberapa bidang kejuruteraan.

Kementerian Pendidikan telah menyediakan satu unit khas di Unit Pusat Universiti (UPU) untuk melayan dan menguruskan pertanyaan pelajar dari luar negara serta menyelaraskan penempatan mereka. Keputusan untuk kemasukan para pelajar ini akan ditentukan oleh IPTA atau IPTS pada akhir April atau awal Mei tahun ini. Walau bagaimanapun, kerajaan memberi jaminan untuk membantu pelajar yang terlibat untuk mendapat tempat semula di IPTA ataupun IPTS tempatan.

Bagi pelajar-pelajar tajaan kerajaan, pihak Kementerian Pendidikan bersama penaja-penaja utama seperti JPA dan MARA sedang meneliti kedudukan setiap pelajar bagi memastikan sebarang keputusan tidak akan menjejaskan proses pembelajaran dan masa depan mereka. Oleh itu beberapa faktor akan diambil kira dalam menentukan urusan pemanggilan setiap pelajar. Ini termasuk:

- (a) kesesuaian kursus atau program akademik;
- (b) isu pemindahan kredit;
- (c) isu pengiktirafan ijazah; dan
- (d) keupayaan menampung bilangan pelajar di IPTA dan IPTS tempatan.

Bagi kursus-kursus seperti perubatan, pergigian, farmasi dan beberapa bidang kejuruteraan, bilangan pelajar yang sedia ditampung oleh IPT tempatan adalah amat terhad. Oleh itu, kerajaan membuat keputusan akan terus membenarkan para pelajar yang berkenaan mungkin perlu menamatkan pengajian mereka di luar negara. Pertimbangan khas juga akan diberi kepada para pelajar yang sedang menuntut di tahun akhir atau yang akan memasuki tahun akhir pengajian pada pertengahan tahun ini untuk menamatkan pengajian mereka di luar negara.

Bagi para pelajar tajaan kerajaan yang sedang mengikuti pengajian A-Level di kolej atau institusi pengajian tinggi tempatan pada masa ini, mereka akan diserapkan ke IPTA atau IPTS tempatan kecuali bagi mereka yang akan mengikuti pengajian perubatan, pergigian, farmasi dan beberapa bidang kejuruteraan.

Sejajar dengan dasar kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan rantau ini, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama penaja-penaja utama telah berusaha untuk mengurangkan penghantaran pelajar ke luar negara mulai dua tahun dahulu. Dalam hal ini, kegawatan ekonomi yang sedang dialami sekarang sebenarnya telah menjadi pemangkin bagi mempercepatkan proses pelaksanaan kedua-dua dasar tersebut.

Saya ingin menegaskan bahawa langkah-langkah yang kita laksanakan ini tidak sepatutnya dilihat dari perspektif penjimatan kos dalam konteks pengaliran wang ke luar negara semata-mata tetapi harus dilihat juga dalam konteks menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan bertaraf dunia.

Walaupun bagaimanapun, apa sahaja penjimatan yang diperolehi dari strategi mengurangkan penghantaran pelajar ke luar negara, ia akan digunakan untuk membangunkan sektor pendidikan tinggi tempatan serta membiayai dan menyediakan peluang kepada lebih ramai pelajar untuk melanjutkan pelajaran di IPTA dan IPTS tempatan. Sebagai contoh, secara amnya, jumlah pembelajaran bagi seorang pelajar ijazah pertama yang dihantar ke Britain, berkemungkinan dapat menampung lima orang pelajar di IPTS tempatan. Selain dari itu, perbelanjaan di sektor pendidikan tempatan sudah pasti akan memberikan kesan berganda, ataupun dengan izin, multiply effect kepada sektor ekonomi dan sektor-sektor lain pada keseluruhannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk pertanyaan-pertanyaan sudah cukup, Yang Berhormat.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 51 adalah dijilid dalam naskhah berasingan)*

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT  
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**Gejala Murtad**

**(Tanpa Pengganti Saidina Abu Bakar As-Siddiq Mengatasinya)**

3.36 ptg.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]:** Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan Mesyuarat 18(1) Majlis Mesyuarat hari ini mengizinkan Ahli Parlimen kawasan Marang, Yang Berhormat Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, menangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk membincangkan gejala murtad tanpa pengganti Saidina Abu Bakar As-Siddiq bagi mengatasinya. Perkara ini tertentu melibatkan kepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan.

Hujah saya adalah seperti berikut:

Isu murtad semakin serius kerana kes murtad telah meningkat kepada 5,000 orang atas kadar satu pendaftaran penukaran nama Islam kepada bukan Islam setiap hari sejak tahun 1982. Bilangan kes berdaftar murtad sehingga ke peringkat kalangan masyarakat atasan akibat kejahilan dan kegelinciran akidah, ideologi, ucapan dan perbuatan adalah dijangka lebih ramai lagi.

Sebelum merdeka apabila berlaku kes Natrah cuba dimurtadkan seluruh umat Islam terutama di Singapura bangkit menentang kemurtadan tetapi selepas merdeka, Perkara 3 Perlembagaan yang mengatakan Islam sebagai Agama Rasmi rupa-rupanya lebih melindungi agama bukan Islam untuk mengembangkan pengaruhnya terhadap generasi muda Muslim.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah berjanji untuk menggubal undang-undang khusus tetapi setakat ini bukan sahaja masih tidak memenuhi janjinya, malahan dalam kes kemurtadan Nor Aishah bt. Haji Bokhari, beliau telah membelakangi fakta dengan motif politik mengatakan gadis itu telah berkahwin di Thailand. Begitu juga dengan kes pembunuhan tiga orang saudara baru di Subang baru-baru ini masih tidak ada sebarang tindakan berkesan.

Program solibi'ah baru dan kalangan anti-Islam lainnya sedang menguji sejauh mana kebebasan beragama di negara ini di mana sasarannya remaja India Muslim di Hindukan dan remaja Melayu di Kristiankan, malahan difahamkan pihak solibi'ah Eropah pernah meluluskan peruntukan tidak kurang US\$100 juta untuk program Kristianisasi seluruh Nusantara, sedangkan kita maklum gereja-gereja di Eropah sendiri sering menjadi barang lelongan, ditukar menjadi masjid atau pusat khidmat masyarakat.

Walaupun negara 40 tahun merdeka, kerapuhan sistem pendidikan masih mengembara, mencari-cari dan menerawang tanpa menjejak di bumi sehingga roh dan jiwa pelajar termasuk sebilangan golongan kedoktoran masih kosong daripada kesempurnaan akidah, sebaliknya menjunjung akidah palsu dan ideologi rapuh ciptaan akal, terbatas dan kepuasan hawa nafsu, akhlak kepimpinan atasan yang dipenuhi kehilangan adat dengan matlamat kehidupan Mardiah berpusar cetus dan ideologi sekular negara pula dipaksakan menjadi contoh negatif dan ikutan kepada golongan

remaja. Inilah semua punca utama keruntuhan dalaman sebagai katalis pemurtadan ummah khususnya kalangan remaja.

Dari segi hukum dan syariat Islam pula, persoalan murtad sama ada dari segi faktor penolak dan penarik, perlu ditangani dan diatasi berdasarkan nas hukum mandatori dan syariat yang jelas telah ditentukan oleh Allah SWT. Memandangkan gejala riddah semakin serius, saya berharap kita tinggalkan atau buanglah prejudis dan sentimen selama 40 tahun, sama ada oleh sebab kekeliruan ataupun pengaruh pelbagai kepentingan hubungan Mardiah yang sedikit dan sementara. Marilah kita bersama melihat gejala riddah dengan berjiwa besar, minda terbuka, berlapang dada tanpa disempitkan oleh momok dan fobia yang tidak perlu dan tidak wajar. Dunia globalisasi sekarang mudah menyedari permainan adu-domba kuasa-kuasa jahat antarabangsa yang menyebabkan pelbagai penderitaan kepada umat manusia khususnya negara membangun ataupun dunia ketiga.

Kita patut melihat kepada contoh negara Sudan yang berbilang etnik dan agama termasuk sepuluh golongan pemberontak sudah duduk bersama di meja perundingan dan menggubal undang-undang baru untuk kestabilan, keamanan dan kemakmuran negara mereka.

Justeru itu tidak ada sebab mengapa kita, khususnya pihak kerajaan mesti terus melihat gejala riddah ini denganacamata kekeliruan, bimbang kemungkinan pelabur-pelabur asing tidak masuk melabur, prejudis dan sentimen yang mengundang pelbagai malapetaka dan penderitaan tanpa kewajaran.

Sekali lagi saya tegaskan tujuan usul ini adalah untuk menegakkan kesejahteraan dan kemakmuran seluruh rakyat negara ini. Sekali lagi saya mohon Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan di bawah Peraturan 18(1) bagi mengizinkan gejala murtad tanpa pengganti Saidina Abu Bakar As-Siddiq mengatasinya dibincangkan kerana perkara ini tertentu, kepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahuan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari Marang pada 23 Mac, 1998 jam 12.05 tengahari.

Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mengandungi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu; syarat yang kedua ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini perkara tertentu, ia adalah bagi kepentingan orangramai tetapi pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Sama ada undang-undang, peraturan atau apa-apa lain tindakan yang hendak diambil hendaklah dirundingkan dengan kesemua negeri di Malaysia terlebih dahulu kerana apa-apa tindakan yang hendak diambil di dalam perkara ini hendaklah mempunyai kuatkuasa yang menyeluruh di negara ini.

Sebagaimana termaklum, kuasa di dalam bidang Agama Islam di negeri-negeri yang beraja, terletak di dalam negeri-negeri itu masing-masing, seperti yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Segala proses ini akan mengambil masa.

Oleh yang demikian saya menolak usul ini.

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN**  
**PERDAGANGAN (PINDAAN) 1998**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 1997 untuk mengesahkan perbuatan yang dilakukan menurut peruntukan akta-akta itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]; dibacakan kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

**USUL**

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA  
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesembilan.” [24 Mac 1998]

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat dari Senai menyambung ucapan.

3.44 ptg.

Datuk Lim Si Cheng [Senai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya menyambung perbahasan saya pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan saya pada petang semalam saya ada menyentuh bahawa semasa negara kita menghadapi masalah ekonomi, agensi-agensi kerajaan mempunyai peranan yang penting untuk membantu rakyat jelata lebih-lebih lagi kepada rakyat jelata yang berpendapatan rendah. Agensi-agensi awam merupakan barisan hadapan bagi program-program pembangunan ekonomi dan sosial kerajaan. Pihak kerajaan telah pun memberi jaminan bahawa penjimatan perbelanjaan tidak akan menggugat tanggungjawabnya ke atas golongan rakyat yang berpendapatan rendah. Agensi-agensi kerajaan adalah diharapkan supaya mengambil langkah meninjau sudut-sudut yang lebih produktif lagi dalam lingkungan pembangunan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengurangkan perbelanjaan negara kita terhadap masalah pengimportan bahan makanan daripada negara asing, keadaan kegawatan ekonomi yang sedang berlaku di negara kita ini telah membawa kepada kesedaran kita tentang betapa pentingnya industri pertanian di negara ini. Makanan boleh dianggap sebagai isu keselamatan bagi sesebuah negara. Kebanyakan negara maju tetap

mengeksport produk pertanian yang ditambah nilai kerana bahan pertanian tetap dianggap bahan dagangan strategi yang boleh dijadikan senjata mereka.

Bagi negara kita, kita perlu keluaran perbelanjaan yang besar untuk mengimport makanan. Bagi tahun 1995, negara kita terpaksa membelanjakan RM7 bilion untuk mengimport makanan. Tahun 1996 sebanyak RM8 bilion, tahun 1997 sebanyak RM10 bilion dan tahun 1998 iaitu tahun ini dijangka meningkat kepada RM11 bilion. Jadi, usaha untuk meningkatkan pengeluaran dan bekalan makanan perlu dilaksanakan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini terdapat banyak kritikan yang telah dilemparkan ke atas kegagalan pihak Kementerian Pertanian untuk memastikan pengeluaran dan bekalan makanan yang mencukupi untuk keperluan negara. Dalam hubungan ini, saya dapati bahawa pihak kerajaan negeri juga wajar dipersalahkan kerana pertanian adalah berkait rapat dengan tanah dan tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Kini, masih terdapat kerajaan negeri yang lambat bertindak untuk melaksanakan aktiviti pertanian bagi tanah-tanah terbiar yang terdapat di merata tempat di negeri masing-masing. Setakat ini saya yakin maklumat berkaitan keluasan tanah yang telah diperuntukan oleh kerajaan-kerajaan negeri bagi tujuan pertanian ke atas seruan Kerajaan Persekutuan masih tidak lengkap. Seruan Kerajaan Persekutuan untuk memberi penekanan ke atas rancangan Buku Hijau adalah salah-satu langkah bagi negara kita mencapai kemampuan diri atau self-sufficiency, dengan izin, dalam pengeluaran dan bekalan makanan.

Pencapaian keseluruhan sehingga kini mungkin masih belum jelas lagi. Keadaan kegawatan ekonomi sekarang ini telah memberi pengajaran kepada kita semua. Dalam keghairahan ke arah pembangunan dan perindustrian, kita telah abaikan prinsip utama dalam hidup iaitu mencapai kemampuan diri dalam bekalan makanan. Akibatnya kita terpaksa membelanjakan sebahagian besar daripada Belanjawan tahunan kita bagi tujuan membeli makanan yang diimport dari luar negeri sedangkan kita sememangnya mempunyai kemampuan dan teknologi untuk mengeluarkan sebahagian besar dari jenis makanan yang kita import itu.

Saya berharap kita semua dapat mengambil iktibar daripada kejadian ini dan mempergiatkan lagi usaha kita dalam bidang pertanian. Kita bukan sahaja perlu memperluaskan tanah pertanian tetapi juga perlu mempertingkatkan lagi penyelidikan dalam teknologi pertanian supaya dapat menghasilkan baka tanaman yang baik dan sistem pengurusan pertanian yang lebih cekap terutama sekali dari segi kos pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai matlamat seperti yang saya sebutkan ini, kerjasama rapi dari pihak kerajaan negeri adalah amat diperlukan. Memandangkan isu tanah adalah bidang kuasa kerajaan negeri, kejayaan atau kegagalan rancangan ini bergantung kuat kepada komitmen dan tindakan segera pihak kerajaan negeri dalam menguruskan perkara-perkara seperti tanah terbiar dalam negeri masing-masing. Tindakan perlu diambil ke atas pemilik tanah yang tidak mengerjakan tanah masing-masing secara produktif. Sesi dialog dan perbincangan terbuka perlu diadakan untuk memberi maklumat dan pengetahuan kepada pemilik tanah. Selain daripada itu segala tanah yang masih kosong, benarkan rakyat yang berminat menjalankan kerja tanaman.

Saya yakin dan percaya bahawa pendekatan proaktif dan kreatif ini akan membantu kerajaan mencapai tahap 'mampu diri' negara kita di bidang pertanian iaitu kita akan dapat memastikan bekalan sumber makanan yang mencukupi dalam negeri bagi mengurangkan beban negara dalam pengimportannya dari luar.

Tuan Yang di-Pertua, pada pertengahan tahun lapan puluhan, negara kita menghadapi masalah kemerosotan ekonomi. Saya ingin merujuk kepada Laporan Tahunan Bank Negara Tahun 1986 yang mencatatkan 'Bahawa keadaan ekonomi pada

tahun 1985 masih tidak begitu jelas'. Pada ketika itu KDNK berada di antara 2% hingga 3.5%, harga bagi barangan utama pula tidak stabil dan berubah-ubah. Pinjaman luar negara kita pada ketika itu meningkat sebanyak 7% kepada RM4.2 bilion. Pengeluaran hasil-hasil pengilangan juga telah turun sebanyak 4.3%.

Dalam laporan yang sama Gabenor Bank Negara pada ketika itu Dato' Jaafar Hussein telah menyatakan 'bahawa walaupun ekonomi merosot negara kita tetap mempunyai sumber-sumber yang mencukupi dan ikhtiar-ikhtiar yang membolehkannya mengharungi masalah kemerosotan.' Menurut beliau berbanding dengan pesaing-pesaing yang lain, Malaysia mempunyai kerajaan yang stabil dan pragmatik, suasana pelaburan yang baik, tenaga buruh yang masih muda, sumber-sumber asli yang banyak, pelbagai hasil pengeluaran asas dan bekalan yang mencukupi untuk menghadapi saat yang benar-benar mencabar.

Dato' Jaafar juga mencadangkan bahawa Malaysia memerlukan tindakan promosi yang lebih aktif bagi bahan-bahan eksport. Pengurangan bahan-bahan import, program-program agresif yang mencabar, mempergiatkan pelaburan-pelaburan swasta dan menyusun kembali prosedur-prosedur pentadbiran. Lebih penting lagi beliau menyarankan supaya rakyat Malaysia berpegang kepada cogan kata 'Belilah barangan buatan Malaysia'. Beliau menyeru rakyat membeli barangan buatan Malaysia sebagai satu langkah untuk mengurangkan import dan mengurangkan perbelanjaan. Beliau menegaskan bahawa industri pertanian import perlu dikembangkan dan semangat Persyarikatan Malaysia di antara pihak sektor awam dan swasta perlulah mendapat kerjasama sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, selama 12 tahun telah berlalu tetapi apa yang dikatakan oleh Gabenor Bank Negara pada tahun 1986 berkaitan ekonomi negara tahun 1985 masih relevan kepada keadaan kegawatan ekonomi yang kita hadapi pada hari ini, cuma yang berbeza ialah punca kegawatan ekonomi dan juga didapati seruan untuk membeli barangan buatan Malaysia tidak diberi perhatian serius dalam tempoh 12 tahun kebelakangan ini.

Parti MCA sebagai satu parti komponen yang bertanggungjawab dalam Barisan Nasional kini sedang melancarkan kempen 'Beli Barangan Buatan Malaysia'. Kami bangga untuk menyatakan kempen 'Love Malaysia'; 'Buy Malaysian Product', dengan izin banyak mendapat sambutan dari pihak pengguna dan pengeluar barangan tempatan. Beribu-ribu rakyat telah menghadiri ceramah dan perjumpaan yang dianjurkan oleh MCA di seluruh negara sama ada di bandar besar ataupun di kawasan luar bandar.

MCA juga telah mengenal pasti kaum wanita Malaysia sebagai pengaruh utama dan pembuat keputusan berkaitan 'consumer spending habit' di negara ini. MCA juga telah melancarkan halaman *Website* di dalam homepage Malaysia bagi tujuan menyediakan indeks rujukan kepada pengeluar-pengeluar barangan tempatan terutama sekali pengusaha, industri-industri kecil dan sederhana bagi mempromosi barangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian yang telah dibuat setelah *Website* yang dianjurkan oleh MCA dan dilancarkan pada 24 Februari tahun ini, kita telah mendapatkan hasil, kepada syarikat-syarikat yang terlibat penjualan hasil pengeluaran mereka telah bertambah 20%.

Baru-baru ini pihak kami juga telah dimaklumkan oleh sebuah syarikat pengeluaran baja yang menyatakan syarikatnya telah mendapat tempahan membeli baja mereka berharga RM16 juta dari Jepun akibat daripada kempen ini. Syarikat yang sama dari Kelang juga mendapat beberapa pertanyaan daripada Hong Kong.



Tuan Yang di-Pertua, MCA sangat mengharapkan supaya semangat 'Cintai Malaysia' dan 'Beli Barangan Buatan Malaysia' akan dijadikan budaya rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sejak berlakunya serangan ke atas Ringgit kita pada bulan Julai 1997 sehinggalah hari ini, rakyat Malaysia telah menunjukkan sikap tenang yang amat membanggakan. Ini mungkin dapat dikaitkan dengan kebijaksanaan pucuk pimpinan di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad selaku Perdana Menteri dengan Timbalannya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Parti MCA merupakan parti politik yang pertama menganjurkan dialog-dialog dengan berbagai pemimpin-pemimpin dan pertubuhan masyarakat China untuk membincangkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara kita. Perjumpaan yang pertama diadakan pada 30 Ogos, 1997 yang dihadiri oleh wakil-wakil daripada anggota gabungan Dewan Perniagaan dan Industri kaum China dan beberapa persatuan dan pertubuhan yang berkenaan.

Pihak MCA akan terus dengan usahanya membantu kerajaan mengatasi masalah kegawatan ekonomi ini. MCA juga akan berikhtiar memastikan bahawa mesej kerajaan dan rakyat akan benar-benar difahami oleh kedua-dua pihak. MCA yakin dan percaya sekiranya rakyat Malaysia sanggup bekerjasama, sanggup bersatupadu, sanggup menjadi tulang belakang kepada kerajaan, masalah ekonomi yang sedang kita hadapi ini boleh diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri perbincangan saya ini, ingin saya merujuk satu perkara lain yang sedang berlaku di negeri Johor.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997 yang diluluskan di Parlimen ini telah dikuatkuasakan pada 1 September, 1997. Di negeri Johor sejumlah 5,659 premis terlibat. Setelah pemansuhan tersebut diluluskan di Parlimen ini, formula atau kiraan sewa baru untuk tiga tempoh berlainan mulai 1 September, 1997 hingga 31 Disember, 1999 telah jelas termaktub di dalam akta ini. Salah satu faktor yang penting di dalam formula ini ialah:

*"M". ditaksirkan sebagai sewa bulanan premis yang dikira berdasarkan satu daripada dua belas dari nilai tahunan iaitu annual value".*

Dengan izin, harta benda bagi sesuatu tahun.

Mengikut Akta Kerajaan Tempatan pula nilai tahunan ditakrifkan sebagai anggaran sewa tahunan kasar, akan tetapi pihak-pihak berkuasa tempatan di negeri Johor tidak menggunakan nilai tahunan dalam perhitungan kadar cukai harta. Dalam hubungan ini improve value, dengan izin ataupun nilai pasaran sesuatu pegangan telah diguna pakai oleh pihak-pihak tempatan di negeri Johor. Dari perspektif undang-undang, nilai tambah sesuatu pegangan tidak sama dan juga tidak boleh diguna pakai sebagai gantian kepada nilai tahunan dalam perkiraan kadar sewa yang berpandukan kepada Akta Kawalan Sewa Pemansuhan 1997. Oleh yang demikian, pihak pemilik dan penyewa sesuatu pegangan di Johor sentiasa dalam keadaan serba salah dan berlaku pula kontroversi di antara kedua-dua pihak yang masing-masing membuat tafsiran dalam perhitungan sewa baru mengikut definisi tersendiri.

Di negeri Johor perkiraan sewa baru dengan menggunakan nilai tambah telah mengakibatkan kenaikan sewa baru yang sangat tinggi dan tidak realistik kerana nilai tambah memang jauh tinggi daripada nilai tahunan, perkara ini telah menjadi isu yang hebat dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini, saya ingin merayu supaya perkara ini dapat dikaji dan satu perkiraan kadar sewa baru yang spesifik dapat

disediakan untuk menyelesaikan masalah kenaikan sewa ini di Johor. Saya membangkitkan perkara ini kerana perkara ini perlu diselesaikan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya mohon menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Di-Raja semasa merasmikan Pembukaan Mesyuarat Penggal Keempat bagi Parlimen yang Kesembilan ini, yang telah dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tambun.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang membenarkan saya menyambung perbahasan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah satu usul di atas nama Yang Berhormat dari kawasan Tambun yang berbunyi:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesembilan.”

Sekarang terbuka untuk dibahas. Tanjong.

4.05 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, akan memulakan ucapan saya dengan cara yang luar biasa, kerana saya telah menerima satu E-mail SOS dari Miri, yang jelas menggambarkan perasaan marah penduduk Miri yang lama tertekan berkaitan dengan isu keperluan asas serta hak kemanusiaan asas mereka, dalam menikmati alam sekitar yang bersih dan perkhidmatan kesihatan yang asas, yang telah diabaikan oleh kerajaan, sama ada kerajaan pusat atau Kerajaan Negeri Sarawak. Untuk tempoh dua bulan ini, saya merasa bahawa adalah wajar supaya suara penduduk Miri dapat dibawa ke Dewan yang paling tinggi di negara ini secepat yang mungkin.

E-mail yang menggambarkan keadaan di Miri pada hari Isnin, yang berbunyi berikut, dengan izin:

*“Am in Miri this morning and to my surprise this town is next to be called a dying town with the environment so unhealthy and the air is so polluted and not even fit for human breathing anymore.*

*I landed Miri from Kuala Lumpur last night and even while we are about 10 miles approaching the town, we could already smell the smell of smoke in the aircraft when it was sucked through the air-conditioning system.*

*This morning, while I was standing at the round about in front of Grand Palace Hotel, can you believe that I could barely see the hotel in front of me?*

*How could Mirians stand all this since two months ago? How many children will grow up to develop some lungs diseases in the next 3-5 years time?*

*The API for this morning haze/smoke could easily reach 1000 plus. While Kuching was having 800 during the last September*

*1997 haze, everyone panicked and government and private offices/schools were immediately closed and Kuching was almost pronounced on emergency.*

*Why was no action taken for Miri until now?*

*Water in Miri is another problem. Went to a friend's house and he told me every morning, the water came only at twilight hours for barely a couple of hours. Then, it will stop and rationed until the end of the day.*

*The wells they dug is almost reaching the base and soon 'air' will be sucked up instead of water. They are trying to look elsewhere for water, but how is it possible if they don't hit 'oil' instead."*

Dengan keadaan runcing sebegini, maka saya tidak berasa hairan bahawa dalam perbincangan 'Sarawak Talk' di Internet hari semalam, ada orang yang berkata, dengan izin:

*"Today, proudly this morning NST 'Smoke In Kalimantan Won't Affect Peninsula' but did not mention anything that Sarawak particularly Miri and its surrounding was hit badly for so long until..... bila-bila.*

*NST only mentioned about the visibility in Miri reduced to 500 meters and Labuan 700 meters. No API reading was given.*

*Antara News agency 'Kalimantanese suffering form respiratory problems instead of including Pneumonia and asthma'. How about Mirian?*

*Sultan of Brunei has sack the country's Health Minister due to the haze.*

*Sack environment and Health Minister.....?*

Tuan Yang di-Pertua, penduduk Miri merasa bahawa mereka telah diabaikan oleh kerajaan pusat serta Kerajaan Negeri Sarawak untuk tempoh dua bulan ini dan mereka telah dilayan bagaikan orang asing dan bukannya rakyat Malaysia. Saya berharap perasaan alienation, kecewa dan marah yang mendalam ini akan difahami dan digambarkan dalam perbincangan mesyuarat ini, dengan kerajaan mengambil langkah-langkah segera dan radikal untuk menghapuskan perasaan kecewa penduduk Miri yang merasai diri mereka bukan sahaja seperti berada di negara asing, malah bagaikan sedang tinggal di Mars atau di planet lain.

Semalam saya telah menerima satu lagi E-mail tergeper dan kali ini E-mail dari Sabah, dengan izin:

*"Kindly call for an emergency motion to discuss the haze problem in Sabah. It looks like the state government here is not bothered at all. No API readings. No warnings. Most of the haze here is locally caused. But the bomba here is ill-equipped or not bothered to do anything. Most bush and forest fires burn themselves out. The worst days are Sundays, simply because most developers and land clearers consider Saturday evenings as the best time to burn off their rubbish and escape what little enforcement there is. There is not effort to mobilize the local population or the village JKKs. What about the civil defense units?"*

Adakah siapa-siapa dalam kerajaan pusat serta kerajaan negeri-negeri berkenaan yang mendengar penderitaan rakyat dari Malaysia Timur ini?

Tuan Yang di-Pertua, Yang di-Pertuan Agong ada bertitah dan saya petik:

*"Sejak sepuluh tahun yang lalu kita telah menikmati pertumbuhan ekonomi yang pesat. Ianya adalah hasil titik peluh berbagai pihak di negara ini. Kini dalam masa yang begitu singkat, negara dikejutkan dengan kejatuhan nilai mata wang kita dan dituruti pula dengan kemerosotan pasaran saham. Walaupun Malaysia dilanda pergolakan pasaran pertukaran mata wang dan saham yang meruncing sejak pertengahan tahun 1997, Beta yakin rakyat dan kerajaan di bawah kepimpinan memanda Beta Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad berupaya mengatasi cabaran-cabaran ekonomi semasa yang di luar dugaan ini. Beta berharap rakyat bersabar menghadapi masalah yang melanda ekonomi kita ini.*

*Adalah penting rakyat memberi sepenuh kepercayaan kepada usaha kerajaan. Dalam keadaan seperti ini semua golongan masyarakat perlu berusaha mengelakkan pembaziran, mengurangkan perbelanjaan yang tidak perlu, meningkatkan tabungan dan melabur dalam sektor-sektor yang mempunyai masa depan yang kukuh dan menguntungkan dalam jangka panjang."*

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana ini merupakan kali pertama kerajaan secara rasmi mengakui bahawa berlakunya krisis ekonomi, sungguhpun pada seketika dahulu di tahun lepas, media massa tempatan, sama ada cetak mahupun elektronik telah diberi amaran supaya jangan menggunakan perkataan 'krisis ekonomi', mungkin atas sebab takut bahawa perkataan ini akan mengejutkan rakyat Malaysia dan menyebabkan orang ramai panik. Para menteri yang keluar berucap di sana-sini semuanya hanya menggunakan huraian 'masalah ekonomi' (*economic problem*). Perkara ini telah menjadi tajuk yang telah saya berulang kali bangkitkan dalam beberapa bulan yang lepas ini sebagai bukti bahawa kerajaan belum lagi dapat menghapuskan sindrom penafiannya dan berhadapan dengan apa yang diuraikan oleh Pengarah Eksekutif MTEN, Tun Daim bin Zainuddin, dalam wawancara bersama *Far Eastern Economic Review* sebagai krisis paling dahsyat sejak Perang Dunia Kedua, sungguhpun laporan wawancara berkenaan hanya ditujukan kepada bacaan orang asing dan bukannya rakyat tempatan.

Bagaimanapun rujukan kerajaan terhadap krisis ekonomi dalam Titah Ucapan Di-Raja ini kurang selaras bunyinya kerana ia nampaknya belum bersedia untuk mengakui bahawa sungguhpun punca-punca krisis ekonomi ini ada terlibat unsur-unsur luaran, tetapi kelemahan dasar serta struktur dalaman juga telah secara seriusnya memburukkan lagi krisis ekonomi, menjadikan masalah ini lebih menderitakan serta diperpanjangkan tempohnya dari yang sepatutnya.

Jumlah pengajaran yang dapat kita pelajari dari krisis kali ini banyak bergantung ke atas kefahaman kita terhadap punca sebenar krisis berkenaan. Bagaimanapun dalam tempoh 9 bulan yang lepas kerajaan tidak melakukan sebarang percubaan untuk menjelaskan punca-punca yang lebih penting, yang mencetuskan krisis ekonomi ini melainkan menuduh spekulator-spekulator asing dan sikap kerajaan amat berbeza dari sikap kerajaan negara-negara lain serantau kita.

Kenyataan kementerian yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada hari semalam, iaitu apa yang diuraikan sebagai "Belanjawan 1998 Ketiga" adalah lebih berterus terang tanpa mengelakkan dari mengakui bahawa negara sedang mengalami krisis kewangan. Malang sekali reaksi pasaran pada hari semalam adalah kurang menggalakkan, memandangkan kedua-dua pasaran saham dan mata wang ditutup lebih rendah semalam, keadaan ini sama ada disebabkan oleh pakej Yang Amat Berhormat

Timbalan Perdana Menteri yang kurang menepati ekspektasi pasaran ataupun kerana usaha Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk menstimulasikan pasaran telah dirosakkan oleh persembahan atau prestasi Parlimen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam masa pertanyaan semalam.

Berikut merupakan penjelasan yang dikemukakan oleh salah satu kerajaan di rantau ini mengenai soal, dengan izin 'What caused the crisis'. Dengan izin:

*"The speed and severity of contagion caught everyone off-guard. What started off as a devaluation of the Thai Baht led to widespread financial and economic turbulence in the region. One after another, regional currencies and stock markets plummeted as international confidence in the region as a whole fell and global capital flowed out of East Asia.*

*The roots of the crisis can be ..... itulah mustahak.*

*The roots of the crisis can be traced back to the huge influx of cheap foreign capital to the region in the early 1990s. With inadequate prudential supervision, regional financial institutions over-extended themselves and lent excessively, often to unproductive sectors and projects. This rapid build up of foreign debt was not sustainable. It created asset bubbles in the property and stock markets. For a time, strong regional economic growth enabled the countries to service their debt obligations through buoyant export revenues.*

*Confidence in the region's export potential began to waver towards the mid-1990s, with various exchange rate realignments. In 1994, China devalued the Yuan. In 1995 the Japanese Yen started depreciating against the greenback. In countries whose currencies were tightly pegged to the US Dollar, export began to lose competitiveness. Economies such as China and Latin America emerged as keen competitors. These developments coincided with a cyclical downturn in the global electronics industry and precipitated a regional export slowdown in 1996.*

*With the export engines stalled, investors and creditors grew nervous of the regional countries continued ability to service the growing foreign debt burden. Eventually, the market lost faith in the sustainability of the linked exchange rate systems adopted by the regional economies.*

*Thailand was the first to suffer this loss of investor confidence. Speculative attacks against the Baht mounted as concerns about the Thai economy grew. The breaking point came when Thailand's foreign reserves dipped below its short-term foreign debt obligations in the middle of 1997. Without sufficient reserves to defend its currency, the Thai Government was forced to allow the Baht to float on 2<sup>nd</sup> July 1997. The contagion effect of this de-facto devaluation of the Thai Baht quickly spread to Malaysia and Indonesia as the market switched its attention to other South East Asia economies with similar structural weaknesses in their financial and banking system.*

*By September, the financial crisis extended to North East Asia. Hong Kong's US Dollar peg came under severe pressure, but managed to hold. Long standing structural weaknesses in Japan's financial and banking system caused some major institutions to fail.*

*South Korea, with weaker fundamentals and large private sector debt, took the biggest hit. A massive US\$57 billion IMF-led bail-out package was necessary to stabilise the Won and to keep the Korean economy in its feet.*

*Depending on how successfully government manage economic recovery, maintain political and social stability and restore investor confidence, the regional situation could either gradually stabilise and start to recuperate, or continue to deteriorate before it gets better. Even if regional countries take all the right steps and see through painful but necessary economic reform policies, the recovery process cannot be immediate. Overall, we can therefore expect slower regional growth over the short to medium term."*

Ini merupakan ucapan Menteri Kewangan Singapura semasa membentangkan Belanjawan 1998 di Parlimen Singapura pada 25 Februari.

Kerajaan Malaysia boleh berpegang, bersetuju atau tidak bersetuju kepada pendapat yang berbeza dari analisa Kerajaan Singapura mengenai punca krisis ekonomi kita, tetapi tujuan saya memetik kenyataan Belanjawan 1998 Singapura secara panjang lebar adalah untuk menekankan satu perkara, iaitu syarat pertama dalam proses pemulihan keyakinan adalah supaya para pemimpin kerajaan berhenti berpegang kepada alasan-alasan yang terlalu simplistic sebagai penjelasan krisis ekonomi ini. Kalau kerajaan terus memberi penjelasan, memberi sebab yang sangat simplistic mengenai krisis ekonomi sangat sukar untuk mengembalikan keyakinan orang ramai.

Di Malaysia para pemimpin kerajaan bukan sahaja menyalahkan spekulator mata wang asing sebagai pihak yang sengaja menyusutkan nilai Ringgit dan mencetuskan krisis ekonomi kita, mereka juga cuba menyalahkan spekulator-spekulator asing ini sebagai sebab mengapa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mengumumkan dividen paling rendah dalam tempoh 22 tahun ini, iaitu 6.7% dan seterusnya membawa kepada masalah di Sime Bank, Bank Bumiputra, Abrar Finance serta Cempaka Finance. Semua disalahkan atas pihak-pihak orang luar.

Sikap ini sungguh berbeza dengan apa yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin Asia yang lain. Sebagai contoh, Perdana Menteri Negara Thai, Chuan Leekpai telah menyalahkan krisis ekonomi di negeri Thai ke atas sikap complacency dan langsung tidak merujuk kepada George Soros ataupun konspirasi antarabangsa untuk sabotaj ekonomi negeri Thai.

Dalam ucapannya yang disampaikan kepada Council of Foreign Relations di New York pada minggu yang lepas, Chuan Leekpai ada berkata, dengan izin:

*"During the period of rapid economic growth, we were too complacent. In the good times, we forgot many important truths and neglected many important tasks.*

*We created wealth but were perhaps negligent in creating competitiveness.*

*We were successful in our economic performance, so much so that we did not examine the fundamentals of our politics and governance or tackle issues, such as bureaucratic inefficiency, lack of transparency and lack of accountability.*

*Once the cracks appeared, we compounded the mistakes by committing much of our fiscal reserve to shore up insolvent finance companies and our foreign reserves to defend the Baht.*

*Naturally, we were quickly and severely disciplined by the market.*

Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, semasa diwawancara oleh Newsweek mengenai krisis ekonomi Asia Timur dalam terbitan terbaharunya berkata, dengan izin.

*"This economic crisis was not an act of God. This was a folly of man in making the damage worse by not responding in a way that commands the confidence of the market. The primary weakness was inadequate systems to absorb this huge inflow of funds in the last three years, during the period of euphoria about the Asian miracle.*

Semasa berucap di National Defence College Negara Thai dengan tajuk syarahan "How and when will East Asia recover", Lee Kuan Yew menekankan dua faktor penting yang saling berkaitan dengan menyebabkan krisis di Asia Timur ini dan beliau berkata:

*"The first is euphoria which resulted in reckless and excessive private sector borrowing. The second is panic and the subsequent collapse of investor confidence, a contagion that got out of control."*

Beliau berpendapat bahawa sementara syarikat-syarikat swasta merupakan peminjam yang utama, tetapi kerajaanlah yang patut bertanggungjawab ke atas kelalaian mereka dalam mengawal pinjaman berlebihan ini. Sebenarnya, kerajaan apa yang menggalakkan proses sedemikian dengan meluluskan dasar-dasar yang membawa kepada suasana euphoria ini. Inilah yang dia ada sebut, dengan izin:

*"It is a war against ourselves. We failed to see that we had entered into a new global financial market, in which with a computer we are instantly linked up to all the financial centres of the world.*

*And not understanding that, we did not take heed, not notice the warning signs, the amber light before it turned red. The amber light was shining and blinking but the governments were too busy expanding to notice that we had reached the danger zone."*

Dia kata mengenai apa yang boleh dilakukan kini, beliau berkata, dengan izin:

*"Although the situation looks bleak at the moment, history shows that all financial crisis eventually subside and the economies recover."*

Soal sekarang adalah berapa lamakah diperlukan dan sama ada kerajaan negara-negara terlibat boleh melakukan sesuatu untuk mempercepatkan proses ini. Sementara kerajaan-kerajaan ini tidak mempunyai banyak kawalan ke atas reaksi pasaran, mereka sebenarnya boleh memulihkan keyakinan dengan menangani apa yang dikhuatiri oleh pasaran - khususnya mengenai hutang luaran, kestabilan sektor-sektor kewangan serta korporat dan bekalan wang serta kadar faedah.

Sementara memberi amaran mengenai kesusahan yang tidak dapat dielakkan itu, beliau menambah, dengan izin:

*"By pain I mean many bankruptcies of companies which are overexposed (to debt), many bankruptcies of banks which are badly managed. With the bankruptcies come unemployment, many uncompleted projects."*

Tuan Yang di-Pertua, satu sebab penting mengapa Malaysia masih menghadapi masalah dalam usaha pemulihan keyakinan setelah sembilan bulan

berlepas dalam krisis ekonomi ini adalah kerana persepsi meluas para pemimpin kerajaan yang masih berfikir menafi serta tidak bersedia untuk menghadapi secara terus kelemahan dalam kita sendiri dan punca-punca yang telah memburukkan lagi keadaan ekonomi sehinggakan krisis ini melarut lebih lama daripada yang sepatutnya. Sikap tidak realistik sebegini ini hanya akan memburukkan lagi keadaan yang menyusahkan usaha melakukan diagnosis yang sewajarnya serta mengemukakan remedy yang sebaik-baiknya terhadap krisis ini, sehingga mengheret krisis ekonomi ini sampai masa yang begitu panjang.

Iniilah sebab mengapa apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini sungguh merunsingkan. Dalam satu wawancara dengan terbitan terbaru *Asiaweek*, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata berkata bahawa beliau telah kehilangan hak kebebasan berucap. Dengan izin:

*"But the problem we have now is that we cannot even talk freely. Because if you say something that is not quite right, it will cause what is known as a loss of confidence. And when there is a loss of confidence, we suffer. We have to pay a price. I've been told many times that if I say certain things, the currency will devalue. That will cause poverty for millions of people, not only in Malaysia but also in neighbouring countries. The Prime Minister has lost his voice, the right of free speech. I find that I am actually not allowed to explain. I must say the correct things. The sad thing is that now we have some power which stops us from doing what we have been doing all the time, which created all this very real growth and development."*

Sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kehilangan hak berucapnya, adakah beliau masih dapat menyuarakan apa yang dikatakan itu dan dapat ia diterbitkan? Tambahan lagi semasa ditanya mengenai siapakah kuasa-kuasa yang dirujuk itu yang merampas hak kebebasan berucapnya beliau berkata, dengan izin:

*"We have been doing the same thing all this while. We haven't changed. Suddenly, on a certain day, there was a loss of confidence. I don't know what we did was different from what we had been doing. It's not as if suddenly we say, 'we reject the free market' or 'we reject democracy the way we have been practicing.' You can look back. What was the difference in June and July. In June everything was fine, in July everything was not. Even before what happened in Thailand, whatever it is that you find under the microscope has been there all the time. Why do you take a microscope and look and then suddenly say, 'We have no confidence.'"*

Mengenai isu IMF, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata:

*"Again, there is this fear that if you don't follow what the IMF tells you, there will be a loss of confidence. These are the critical words, loss of confidence. We try to follow not because we think the IMF is right, but because if we don't then there will be a loss of confidence. And the loss of confidence will result in currency devaluation. So we try to show that we are with the IMF."*

Isnin yang lepas semasa berada di Kuala Lumpur, beliau menyangkal mengenai dakwaan mengenai 'crony capitalism' dengan alasan-alasan yang berikut, dengan izin:



*"What cronies? The whole of Malaysia is our cronies. We are politicians and if the people don't like us, we will lose in the elections. So we have to help everybody."*

Tuan Yang di-Pertua, kolumnis *Utusan Malaysia* yang dikenali ramai, Rustam Sani, dalam rencananya yang bertajuk '*Menyelamat Bank*' Rabu lepas telah berkata dengan betul sekali, mengenai usaha menyelamatkan Sime Bank dan Bank Bumiputra.

*"Pada hemat saya kenyataan-kenyataan separuh berseloroh atau separuh serius seperti 'seluruh negara ini merupakan suku sakit kita', tidak akan memadai untuk melepaskan diri kita daripada menghadapi tanggungjawab tersebut."*

Semua ini merupakan antara sebab-sebab mengapa Malaysia belum lagi berjaya memenangi perang memulihkan keyakinan sungguhpun kita kini telah memasuki bulan kesembilan krisis ekonomi yang paling teruk sejak Perang Dunia Kedua.

Rakyat akan faham sekiranya Ringgit Malaysia serta pasaran saham jatuh hasil dari perkembangan di luar negara, tetapi mereka berhak untuk menuntut supaya pihak kerajaan berhenti dari mengulangi sikap mencetuskan masalah secara dalaman menerusi keputusan-keputusan kerajaan serta korporat yang memburukkan sentimen pasaran dan menyebabkan kejatuhan saham serta Ringgit Malaysia.

Saya agak terperanjat bahawa pada hari Ahad yang lepas, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang merasmikan Mesyuarat UMNO Bukit Bintang, berkata bahawa sejak bermulanya krisis ekonomi ini, saya telah berulang kali mengemukakan berbagai cadangan dan sekiranya dituruti oleh kerajaan akan memburukkan lagi keadaan ekonomi Malaysia.

Saya tidak faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, tetapi saya masih berpegang kepada 'surat terbuka' yang telah saya hantarkan kepada semua menteri pada 6 Januari sebelum mesyuarat Jemaah Menteri mengenai 15 perkara yang harus diberikan tumpuan utama demi membawa negara kita melepasi krisis ekonomi dalam tempoh yang paling pendek sekali dan membolehkan rakyat Malaysia melalui kesukaran kehidupan yang paling minimum sekali.

Jika Jemaah Menteri bertindak atas 15 perkara yang dicadangkan dalam 'surat terbuka' dalam mesyuarat Jemaah Menteri yang pertama pada tahun ini, ekonomi Malaysia tentunya telah berada pada tahap yang lebih sihat dan kuat.

Lima belas perkara yang saya cadangkan kepada Jemaah Menteri itu, bersama-sama dengan alasan-alasan yang telah saya sertakan dalam 'surat terbuka' berkenaan adalah seperti berikut:

1. Memulihkan keyakinan.
2. Penghapusan defisit maklumat melalui liberalisasi media massa.
3. Menggugurkan penubuhan MTEN dan digantikan dengan Jemaah Menteri Krisis Ekonomi Negara yang mengandungi teknokrat-teknokrat dan pakar-pakar.
4. Menubuhkan Majlis Perundingan Krisis Ekonomi Negara yang mengandungi wakil-wakil dari semua parti politik, kerajaan dan parti pembangkang, ahli-ahli akademik, perindustrian, perdagangan, kesatuan-kesatuan sekerja, badan-badan profesional dan organisasi bukan kerajaan, supaya ia menjadi satu daya perpaduan negara.

5. Jika Jemaah Mentri masih bertegas hendak meneruskan penubuhan NEAC, maka perlu dipertimbangkan semula keputusan untuk melantik Tun Daim Zainuddin sebagai pengarah eksekutif.
6. Menukarkan sistem perlantikan Senator kepada sistem pemilihan oleh rakyat.
7. Mengadakan satu mesyuarat Parlimen tergepar pada bulan Januari untuk membentangkan Belanjawan 1998 yang ketiga.
8. Pelaksanaan konsep Bangsa Malaysia dalam Wawasan 2020 semasa negara menghadapi krisis ekonomi untuk menyatupadukan rakyat.
9. Kerajaan yang baik yang menunjukkan sikap berjimat cermat, berketelusan serta berintegriti.
10. Mengisytiharkan perang terhadap rasuah.
11. Pentadbiran kerajaan dan korporat yang baik dan telus.
12. Ketanggungjawaban dan ketelusan Bank Negara dan sektor bank dan kewangan.
13. Perbincangan terbuka rakyat jelata mengenai opsyen IMF.
14. Mekanisme untuk melindungi kepentingan rakyat Malaysia dari pekerja-pekerja asing dalam segi kehilangan berjuta-juta pekerjaan pada tahun ini; dan
15. Rancangan Buku Hijau - 'Tanah Untuk Semua' - atas prinsip 'First-come First-served'.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sungguh malang sekali Jemaah Menteri tidak memberi perhatian yang serius ke atas 15 Perkara ini, kalau tidak, negara kita tentunya telah mula melaksanakan program pemulihan ekonomi. Tetapi sekurang-kurangnya saya merasa lega kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil perhatian terhadap bantahan keras mengenai hakikat NEAC dijadikan satu badan yang berkuasa lebih tinggi ataupun setaraf dengan Jemaah Menteri dalam segi dasar ekonomi, sehinggalah prinsip bertanggungjawab Jemaah Menteri dan demokrasi berparlimen tercabar. Keadaan yang sedemikian amat bertentangan dengan provisi Perlembagaan dan boleh dicabar di mahkamah.

Semalam, semasa menjawab pertanyaan saya, untuk kali pertamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengakui bahawa NEAC hanya merupakan satu majlis perundingan yang mengemukakan nasihat kepada Jemaah Menteri, dan penjelasan ini amat berbeza dari pengumuman awalnya pada 20 November tahun lepas di mana beliau menerangkan bahawa NEAC akan memiliki kuasa darurat seperti Majlis Tindakan Kebangsaan sungguhpun darurat belum diisytiharkan, atau apa yang dijelaskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) selepas mesyuarat pertama NEAC pada 22 Januari, yang mengimpikasikan bahawa NEAC memiliki kuasa membuat keputusan serta bertindak yang bebas dari sekatan atau kawalan Jemaah Menteri.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

NEAC kini mempunyai satu majlis eksekutif yang akan 'memastikan bahawa masalah-masalah ekonomi masa kini akan dapat diselesaikan dengan cepat dan keputusan NEAC dilaksanakan dengan efektif'. Majlis ini mempunyai lima orang ahli yang terdiri dari Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri

Kewangan, pengarah eksekutif dan dua orang lagi ahli yang akan dilantik oleh Perdana Menteri.

Semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan bahawa sehingga kini, hanya satu dari dua tempat kosong dalam majlis eksekutif NEAC ini yang telah diisi iaitu oleh Pengerusi ISIS, Tan Sri Nordin Sopiae. Saya ingin bertanya mengapakah kerajaan menghadapi kesukaran untuk mengisi tempat kosong dalam majlis eksekutif NEAC ini yang hanya memerlukan lima orang ahli, sekiranya ia benar-benar serius tentang tugas NEAC untuk 'memulihkan keyakinan orang ramai dan para pelabur, khasnya keyakinan para pelabur asing dalam segi ekonomi'.

Kerajaan nampaknya tidak begitu serius tentang pentingnya melaksanakan langkah-langkah demi menangani krisis ekonomi, kerana ia telah mengambil masa lebih dari dua bulan untuk menubuhkan NEAC dan mesyuarat pertamanya hanya diadakan pada 22 Januari, dua bulan selepas idea itu diumumkan pada 20 November. Tambahan lagi, ia mengambil masa dua bulan untuk melaksanakan keputusan dalam mesyuarat pertama NEAC iaitu setiap negeri diarahkan supaya menubuhkan NEAC masing-masing. Di sesetengah negeri, misalnya di Pulau Pinang, pengumuman tentang penubuhan NEAC Negeri hanya dibuat baru-baru ini dan hingga kini masih belum diadakan mesyuarat pertamanya.

Semua ini adalah petanda bahawa negara kita masih belum dapat menangani masalah pemulihan keyakinan kerana kerajaan masih belum dapat menghapuskan 'sindrom penafian'nya.

Di dalam kenyataan kementeriannya semalam, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata bahawa pasaran-pasaran kewangan, iaitu pasaran ringgit dan saham, telah merangsang dalam beberapa minggu kebelakangan ini dengan Ringgit stabil pada kadar US\$1=RM3.57 sementara Indeks Komposit BSKL pulih pada kadar 735.69 mata tengah hari semalam.

Reaksi pasaran terhadap kenyataan kementerian Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah agak mengecewakan. Komposit Indeks BSKL, yang tetap pada kadar positif sebelumnya, telah menurun lagi apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengemukakan teks ucapannya kepada pihak media massa selepas jam 3.30 petang semalam dan disebarkan ke seluruh saluran berita.

Indeks Komposit yang mencapai 736.62 mata pada 3.30 petang semalam, jatuh 9.29 mata atau 1.26% menjadi 727.33 mata pada 4.23 petang semalam. Ia kemudian ditutup pada 731.89 mata, iaitu empat mata lebih rendah untuk hari berkenaan. Nilai Ringgit juga menjadi lebih lemah selepas kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan tutup pada 3.644 berbanding Dolar Amerika hari semalam.

Pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai pengurangan pertumbuhan negara yang dianggarkan pada 2%-3% untuk tahun 1998, dari anggaran awal pada Disember iaitu 4%-5% dan 7% semasa Belanjawan 1998 pada Oktober tahun lepas, harus diumumkan lebih awal lagi untuk mencapai kesan pemulihan keyakinan yang lebih besar.

Dalam tempoh tiga bulan yang lepas, saya telah beberapa kali meminta kerajaan supaya memberikan tindak balas terhadap ramalan pertumbuhan Malaysia untuk tahun 1998 oleh IMF yang diumumkan dalam laporan Interim World Economic Outlook yang dikeluarkan pada 19 Disember, iaitu sebanyak 2.5%. Kelambatan bertindak balas selama tiga bulan ini menyerlahkan keperluan bagi pihak pengurusan ekonomi Malaysia untuk lebih tangkas (nimble) dan realistik dalam bereaksi terhadap perubahan ekonomi yang pantas khasnya dalam sesuatu krisis seperti ini.

Pada hari Ahad yang lepas, adalah dilaporkan bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah berkata, apabila Ringgit Malaysia berstabil pada RM3.2 berbanding Dolar Amerika, maka ekonomi Malaysia bolehlah dianggap sebagai telah pulih dan ini ada diberi liputan besar muka depan dalam surat khabar tempatan. Saya tidak tahu sama ada percakapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah dilaporkan secara betul, tetapi jika beliau memang pernah berkata demikian, maka jelas beliau telah banyak berubah pandangan dan fikirannya kerana pada 17 Oktober, semasa membentangkan Belanjawan 1998, beliau pernah bercakap secara gagah bahawa 'nilai Ringgit akan pulih kepada kadar asal' sebelum berlakunya krisis ekonomi, iaitu lebih kurang RM2.50=US\$1.

Beliau telah banyak bercakap mengenai ketelusan dan pengurusan korporat tetapi apa yang dikehendaki oleh pasaran dan negara pada keseluruhannya bukanlah jaminan mulut tetapi kepastian, dan adalah sesuatu yang menghampakan bahawa beliau telah gagal menepati ekspektasi awam dengan membentangkan kes yang lebih kukuh menunjukkan bahawa kerajaan tidak tersangkut dalam lima usaha bail-out UEM, Sime Bank, KUB Bhd., Bank Bumiputra serta Konsortium Perkapalan Bhd.

Harga-harga eksport telah menurun sepanjang tahun dan mencapai kadar 5.1% secara purata pada 1997, lebih rendah dari 1996, dan Malaysia jelas tidak berdaya untuk mengalami kemerosotan dalam keuntungan melalui eksport seperti ini.

Apa yang lebih membimbangkan adalah deflasi (deflation) dalam pasaran hartanah berikutan dengan kemerosotan dalam segi institusi kewangan serta pasaran saham. Semalam, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan berkata bahawa kadar non-performing loans adalah setinggi 5.7% jumlah pinjaman pada akhir tahun 1997, tetapi penganalisa telah meramalkan bahawa jumlah nisbah non-performing loan (NPL) ini akan meningkat ke 15% pada akhir 1998 dan menjadi 20%-25% pada akhir 1999. Adakah Bank Negara, apabila mengumumkan laporan tahunannya pada akhir minggu ini, akan memberikan ramalan agregat nisbah non-performing loan untuk akhir tahun ini serta akhir tahun depan?

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga dianggarkan akan menjelaskan butir-butir mengenai cadangan mengizinkan golongan bukan bumiputera untuk membeli saham syarikat bumiputera supaya menghentikan kenyataan-kenyataan bercanggahan yang dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin teratas kerajaan mengenai soal tempoh dasar sedemikian.

Dalam masa krisis ekonomi, kerajaan haruslah berani memobilisasikan serta menyatupadukan rakyat Malaysia untuk bertindak sebagai satu unit demi memastikan pemulihan ekonomi yang paling pantas dan mengurangkan kesusahan yang bakal dialami oleh rakyat jelata. Kini masa sudah sampai bagi Malaysia melintasi batas perbezaan bumiputera dan bukan bumiputera dan seterusnya melayan semua rakyat sebagai bumiputera baru yang dapat menembusi masalah bersama atau menikmati kesenangan bersama.

Krisis keyakinan hanya dapat diselesaikan sekiranya terdapat pengaliran keyakinan dwi-hala, iaitu pemulihan keyakinan rakyat terhadap kerajaan dan kerajaan menunjukkan keyakinan dan kepercayaannya terhadap rakyat dengan menghapuskan kesan defisit maklumat di dalam negara ini. Contohnya, kerajaan patut berterus-terang dengan rakyat mengenai ramalannya terhadap isu pemulihan ekonomi. Dalam program TV3, *Malaysia Hari Ini* yang disiarkan pada 9 Januari 1998, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa beliau menjangka pemulihan ekonomi dalam masa enam bulan hingga satu tahun, manakala Presiden MCA serta Menteri Pengangkutan meramal pemulihan ekonomi dalam masa tiga bulan.

Sebenarnya, lingkung masa enam bulan atau tiga bulan ini telah dipendekkan dengan ketara. Kali pertama Perdana Menteri merujuk kepada tempoh pemulihan ekonomi adalah di dalam program *Malaysia Hari Ini (MHI)* dua bulan setengah yang

lepas, ini bermakna hanya tinggal tiga bulan setengah sahaja jika pemulihan ekonomi boleh dicapai dalam tempoh enam bulan, dan mengikut ramalan Presiden MCA, tempoh untuk pemulihan ekonomi hanya tinggal dua minggu sahaja.

Jika kita mahu melihat pengaliran keyakinan dwi-hala di antara kerajaan dan rakyat, maka kesemua agensi kerajaan, khasnya NEAC dan Jemaah Menteri, harus bertindak secara terbuka, bertanggungjawab dan berketelusan dan berterus terang dengan rakyat mengenai cara mereka beroperasi serta rasional di belakang semua keputusan dan tindakan mereka.

Sebagai sebahagian daripada strategi pemulihan negara, kerajaan telah menyeru rakyat Malaysia supaya menjualkan harta mereka di negara-negara di mana mata wangnya lebih tinggi daripada Ringgit Malaysia, dan menyimpan wang itu ke dalam bank-bank tempatan untuk menambahkan rizab mata wang asing kita.

Berapa orang Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang mempunyai harta di luar negara? Berapa orangkah yang telah menjual harta mereka dan membawa balik wang tersebut untuk disimpan di bank-bank tempatan dengan tujuan untuk menambahkan rizab mata wang asing kita? Sama ada Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen yang belum menjual harta mereka di luar negara itu akan berbuat demikian dan bilakah mereka akan bertindak?

Harus difahami bahawa apabila kita menyebut tentang harta Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen di luar negara, kita juga merujuk kepada harta milikan pasangan, anak-anak dan waris terdekat mereka. Bukan sahaja Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen patut mengisytiharkan harta mereka, tentang hartanah luar negeri, tetapi semua ahli Parlimen, sama ada dari kerajaan ataupun parti pembangkang juga harus berbuat demikian.

Mesyuarat Parlimen kali ini perlu dijadikan satu sesi yang bersejarah di mana kesemua pemimpin-pemimpin politik, sama ada Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen atau ahli-ahli Parlimen, menunjukkan teladan baik dengan mengisytiharkan harta mereka di luar negara secara terbuka dan menjualkan harta mereka itu untuk dibawa balik hasil jualannya untuk disimpan di bank-bank tempatan demi memperkukuhkan rizab mata wang asing negara.

Pada awal bulan yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan penubuhan satu badan khas untuk mengutip derma dan sumbangan wang daripada rakyat Malaysia untuk menambahkan rizab negara dan sumbangan kewangan tersebut dapat dibuat dalam mana-mana bentuk, termasuk harta, barang-barangan, barang kemas dan wang tunai.

Semalam, semasa menjawab soalan pada peringkat pertanyaan, Timbalan Menteri Kewangan berkata bahawa sehingga semalam, wang sebanyak RM900,000 telah didermakan kepada Tabung Rizab Negara, dan jelas sekali jumlah ini masih jauh dari matlamat untuk memperkukuhkan rizab asing negara. Dari bulan Julai tahun lepas hingga bulan Januari tahun ini, rizab asing Malaysia telah berkurangan sebanyak RM14 bilion. Jumlah RM900,000 ini kurang daripada 0.006% daripada RM14.1 bilion - satu angka yang terlalu kecil.

Pemimpin-pemimpin politik dan 300 orang corporate bosses paling kaya di Malaysia harus berada di baris depan untuk mengumpul RM14 bilion demi menebus kerugian yang dialami oleh rizab asing negara kita semasa krisis ekonomi ini, sama ada melalui cara menjual harta mereka di luar negara atau menjual harta-harta lain yang bernilai, sama ada yang berada dalam emas, barang-barang kemas, batu-batu permata dan sebagainya, untuk mendapatkan wang tunai.

Adakah kerajaan telah bertindak dengan penuh bertanggungjawab, berketelusan dan berterus-terang dengan rakyat supaya tindakannya menyeru rakyat membuat pendermaan dan sumbangan ini mendatangkan kesan yang lebih berkesan dan berjaya demi menyelamatkan ekonomi negara menerusi cara memperkukuhkan rizab asing negara?

Saya telah berulang kali membangkitkan rasa keprihatinan saya terhadap rizab asing Malaysia atas tiga sebab yang penting, tetapi saya tidak pernah mendapat sebarang respon yang bermakna daripada kerajaan.

Keprihatinan saya yang pertama adalah berkaitan dengan rizab antarabangsa negara, yang telah berkurangan sebanyak RM11.5 bilion dari RM70.6 bilion pada 30 Januari 1997 ke RM59.1 bilion pada 31 Disember 1997 - jumlah ini berkurangan lagi sebanyak RM2.5 bilion dalam 15 hari pertama bulan Januari, menjadikan jumlah pada 15 Januari 1998 sebanyak RM56.6 bilion - sungguhpun jumlah rizab ini adalah RM56.8 bilion pada 14 Mac 1998.

Keprihatinan saya yang kedua adalah sama ada wajar untuk Bank Negara mempertahankan nilai Ringgit dan seterusnya menyebabkan kerugian sebanyak RM14.1 bilion dalam rizab asing negara dalam enam bulan setengah yang lalu iaitu dari bulan Jun 1997 ke bulan Januari 1998. Bukankah negara kita harus mengadakan lebih banyak perbincangan yang berpandukan maklumat-maklumat secukupnya mengenai langkah-langkah yang patut diambil oleh Bank Negara apabila Ringgit diserang dalam keadaan sedemikian?

Keprihatinan saya yang ketiga ialah sama ada rizab asing harus diperkukuhkan, khasnya memandangkan hutang asing Malaysia sebanyak US\$45.2 bilion pada tahun lepas adalah dua kali ganda lebih tinggi daripada rizab asing negara.

Menerusi tindakan menubuhkan satu tabung khas untuk mengutip derma dan sumbangan daripada rakyat Malaysia bagi memperkukuhkan rizab negara, adakah ini bererti pihak berkuasa mengakui bahawa tiga keprihatinan DAP mengenai rizab asing negara memang berasas? Jika kerajaan beranggapan sedemikian, adakah kerajaan bersedia untuk bertindak dengan lebih berketelusan dan bertanggungjawab dengan membenarkan satu perbincangan kebangsaan yang berpandukan maklumat-maklumat secukupnya mengenai ketiga-tiga isu ini?

Memandangkan Pengarah Eksekutif NEAC, Tun Daim Zainuddin telah memberitahu media massa asing bahawa, dengan izin, 'greatest challenge is to bring back the confidence of Malaysians first and then, the world economic community' dalam menangani apa yang diuraikan beliau sebagai 'krisis ekonomi paling buruk' yang dihadapi oleh negara sejak Perang Dunia Kedua, maka Parlimen berhak untuk mendapatkan penjelasan mengenai soal mengapakah kita perlu menghadapi satu kali lagi tamparan keyakinan hasil dari tersebarinya pendapat yang berleluasa bahawa syarikat-syarikat yang mempunyai hubungan politik akan diselamatkan sungguhpun kerajaan pernah membuat jaminan bahawa tidak akan berlaku sebarang 'bail-out' dan 'corporate restructurings'.

Lima kes bail-out iaitu UEM, Sime Bank, KUB, Bank Bumiputra dan Konsortium Perkapalan Berhad (KPB) telah disifatkan sebagai, dengan izin, 'new danger point' dalam "Asia's battled economies.....that could put at risk still-fragile investor confidence in the region".

Apa yang lebih merunsingkan kepada rakyat Malaysia serta 9 juta ahli KWSP adalah kekurangan sikap bertanggungjawab, akauntabiliti dan ketelusan KWSP khasnya muncul laporan-laporan bahawa wang KWSP sebanyak RM130 bilion akan dipergunakan untuk membantu tiga dari lima syarikat yang bakal diselamatkan itu.

Kerajaan perlu meyakinkan rakyat Malaysia serta para pelabur dari dalam dan luar negara bahawa kerajaan tidak menarik balik jaminannya untuk tidak akan

membenarkan berlakunya 'bail-out' atau 'corporate restructuring' yang mempergunakan wang awam di dalam kelima-lima kes ini - khas sekali dalam isu yang melibatkan KWSP.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengesahkan minggu lalu bahawa KWSP sedang merancang untuk membeli saham Projek Lebuhraya Utara-Selatan Berhad (PLUS) iaitu mungkin sebanyak 20% ekuiti dengan harga RM1.5 bilion. Perkara ini dianggap secara umum sebagai cara KWSP cuba menyelamatkan United Engineers Malaysia (UEM) akibat daripada pembelian 723 juta saham atau 32.6% pemilikan Renong oleh UEM yang bernilai RM2.34 bilion dan penuh berkontroversi itu.

Pada mula-mulanya UEM cuba membeli saham Renong menerusi pinjaman, dan kini cuba mendapatkan wang secukupnya menerusi penjualan ekuiti PLUS, peristiwa ini 20% saham PLUS yang bernilai RM1.5 juta. Wang tunai yang didapatinya menerusi jualan saham PLUS ini akan mengurangkan nisbah hutang ekuiti UEM daripada 4:5 kepada 2.5:3.

Sembilan juta ahli KWSP berhak mendapatkan penjelasan yang penuh, lengkap dan memuaskan mengenai tiga persoalan tentang penggunaan wang sebanyak RM1.5 bilion untuk membeli 20% saham PLUS sebelum sebarang keputusan dasar dilakukan oleh Lembaga KWSP.

Pertama sekali, mengapakah KWSP mahu melibatkan diri dalam proses menyelamatkan UEM ataupun mana-mana syarikat yang bermasalah akibat krisis ekonomi? Antara 30 September dan 1 Oktober tahun lepas, iaitu sebelum berlakunya kes pembelian RM2.34 bilion saham Renong yang memeranjatkan itu, KWSP telah membeli 65.91 juta saham UEM. Mengikut harga RM10.50 sesaham, KWSP telah membelanjakan sejumlah RM645.53 juta untuk membeli saham UEM. Pada masa penutup BSKL semalam, kaunter UEM ditutup pada harga RM4.62 sesaham. Ini bermakna KWSP telah mengalami kerugian lebih kurang RM400 juta daripada pembelian saham UEM lot itu.

Menerusi tindakannya memberi 65.91 juta saham UEM, adakah KWSP telah terlibat dalam usaha untuk menyelamatkan dan merangsangkan harga UEM supaya ia dapat menyelamatkan dan merangsangkan harga Renong kemudian.

Soal kedua adalah sama ada harga RM1.5 bilion untuk pembelian 20% saham PLUS itu berpatutan dan adil kepada sembilan juta ahli KWSP, kerana kini kian wujud perasaan ketidakseimbangan yang ketara hasil daripada 'corporate restructuring' kebelakangan ini. Sebagai contoh, dalam usaha RHB untuk mengambil alih Sime Bank, di mana KUB yang memiliki hanya 30% dari Sime Bank, akan dibayar sebanyak RM670 juta pada hal Sime Darby yang memiliki 60.35% Sime Bank hanya akan dibayar RM100 juta sahaja.

Terdapat penganalisa-penganalisa pasaran yang berpendapat bahawa dengan membayar wang sejumlah RM1.5 juta, KWSP sepatutnya memiliki sekurang-kurangnya 25% saham PLUS.

Soalan ketiga pula lebih fundamental. Patutkah KWSP membeli begitu banyak ekuiti saham PLUS, iaitu syarikat pengurus tol Lebuhraya Utara-Selatan, sedangkan kini wujudnya bantahan yang semakin meningkat daripada masyarakat umum terhadap Kontrak Konsesi Lebuhraya Utara-Selatan, yang mengizinkan pengurus tol ini meningkatkan kadar tol setiap tahun untuk tempoh 22 tahun yang akan datang?

Adakah ini merupakan satu muslihat untuk mengalihkan perhatian orang ramai daripada isu peningkatan kadar tol tahunan Lebuhraya Utara-Selatan, iaitu melibatkan orang ramai dengan syarikat ini menerusi pemilikan saham PLUS oleh

KWSP, supaya kepentingan masyarakat umum terikat dengan keuntungan PLUS, dan seterusnya berangan-angan untuk mendapat dividen KWSP yang lebih tinggi?

Sembilan juta ahli KWSP harus dilibatkan dalam keputusan sama ada wang KWSP patut dilabur ke dalam PLUS, memandangkan wujudnya bantahan yang semakin berleluasa terhadap kontrak konsesi yang terlalu mahal ini dan permintaan supaya kontrak konsesi itu dikaji semula.

MTUC telah mengisytiharkan hasratnya untuk membantah keputusan KWSP untuk membeli saham PLUS kerana dianggap urus niaga KWSP-PLUS ini sebagai sebahagian dari rancangan penyelamat UEM Bhd. yang 100% dimiliki oleh PLUS. Lima orang pemimpin kesatuan pekerja, termasuk dua orang pemimpin tertinggi MTUC, iaitu Presidennya Zainal Rampak dan Setiausaha Agung CUEPACS, N. Siva Subramaniam, merupakan ahli dalam Lembaga KWSP.

Adalah benar bahawa mengikut Akta KWSP 1991, tidak seorang pun dari tujuh ahli dalam Panel Pelaburan KWSP terdiri dari wakil kesatuan pekerja, dan DAP pernah membantah dengan tegasnya mengenai perkara ini semasa Dewan yang mulia ini membahaskan Rang Undang-undang KWSP pada 12 Februari 1991. Bagaimanapun, Panel Pelaburan KWSP bukanlah satu badan yang bebas tetapi perlu menjawab kepada Lembaga KWSP, oleh kerana mengikut seksyen 18(2) Akta KWSP menyatakan, 'Panel Pelaburan hendaklah tertakluk kepada apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Lembaga dan diluluskan oleh Menteri, dari semasa ke semasa'.

Adakah KWSP, dengan dana wang RM130 bilion, telah dipilih untuk menjadi alat utama proses 'deprivatisation' di mana wang orang ramai dipergunakan untuk menyelamatkan mereka yang mendapat manfaat dari proses penswastaan, seperti UEM, hasil dari pinjaman raksasa mereka.

Para perwakilan kesatuan pekerja di dalam Lembaga KWSP harus sedar tentang kuasa dan tanggungjawab mereka sebagai ahli Lembaga KWSP dan perhubungan mereka dengan Panel Pelaburan KWSP. Mereka harus berwaspada semasa melaksanakan tugas mengawal selia keputusan pelaburan Panel Pelaburan KWSP menerusi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Lembaga KWSP dan memastikan bahawa arahan-arahan yang dikeluarkan itu dipatuhi.

Mereka harus menasihatkan Lembaga KWSP supaya mengambil keputusan dasar atas tiga perkara:

- (i) Pengerusi Eksekutif KWSP dan para ahli Lembaga KWSP melancarkan roadshow di seluruh negara untuk membuat penjelasan mengenai dasar serta keputusan pelaburan KWSP dan membentuk satu teladan pengurusan korporat yang baik yang benar-benar serius tentang prinsip akauntabiliti dan ketelusan;
- (ii) mengeluarkan arahan kepada Panel Pelaburan KWSP bahawa ia tidak harus melibatkan tabung KWSP dengan sebarang tindakan yang bertujuan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat atau bank-bank yang telah melandakan diri mereka dalam masalah, dan bahawa setiap pelaburan yang berunsur 'penyelamatan' atau 'bail-out' harus dirujuk kepada Lembaga KWSP untuk diluluskan secara spesifik; dan
- (iii) sebagai pendirian dasar, KWSP tidak boleh terlibat dalam usaha menyelamatkan UEM dan tidak harus membeli sebarang saham PLUS.



Keputusan dasar Lembaga KWSP sebegini adalah penting memandangkan KWSP nampaknya telah terlibat di dalam tiga dari lima usaha penyelamat yang sedang berlangsung masa ini. Kini timbul khabar-khabar angin yang deras di dalam pasaran bahawa KWSP akan membekalkan wang sebanyak RM1.5 bilion untuk membolehkan Rashid Hussein Bank (RHB) melaksanakan usaha pergabungan RHB dan Sime Bank menerusi pengeluaran saham RHB Holding kepada Sime Darby dan KUB Bhd.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah berkata bahawa sentimen curiga awal terhadap keputusan KUB Malaysia Bhd. untuk menjualkan jumlah saham Sime Bank Bhd. yang membentuk sebanyak 30.01% dari modal bank berkenaan untuk membeli 32% saham Malaysia Mining Corporation (MMC) dari Permodalan Nasional Bhd. atas dakwaan bahawa ini merupakan satu usaha penyelamatan, telah 'dibuktikan salah dan tidak berasas' kerana KUB telah melakukan pembelian berkenaan dengan harga RM2.50 sesaham, yang sebenarnya lebih tinggi dari harga saham MMC terkini iaitu RM2.30 sesaham.

Perasaan tidak senang hati rakyat jelata terhadap usaha penyelamatan KUB tidak boleh diabaikan begitu sahaja. Menurut laporan, KUB berkemungkinan terlibat dalam pertukaran saham dengan Permodalan Nasional Bhd. (PNB) atas pembelian saham MMC sebanyak 32% dengan harga RM668.91 juta. KUB tidak membayar wang tunai RM668.91 juta untuk pembelian saham itu, mengikut laporan, tetapi akan membayar PNB dalam bentuk saham baru RHB Holdings Bhd. - iaitu bayaran dari Rashid Hussein Bank sebagai pembelian 30% saham Sime Bank dari KUB.

Jika perbuatan sebegini bukan usaha menyelamatkan KUB, maka satu penerangan yang lebih lengkap dan memuaskan harus dikemukakan mengenai sebab-sebab dalam usaha pembelian Sime Bank oleh RHB, KUB yang hanya memiliki 30% daripada saham Sime Bank mendapat bayaran RM670 juta sementara Sime Darby yang memiliki 60.35% daripada saham Sime Bank hanya dibayar sebanyak RM100 juta.

Media negara asing tidak boleh dipersalahkan jika mereka menganggap perbuatan korporat sedemikian sebagai usaha bail-out, kerana rakyat Malaysia sendiri juga menganggap perbuatan sedemikian sebagai usaha bail-out. Apa yang penting adalah untuk meyakinkan semua orang, sama ada rakyat tempatan mahupun orang asing, bahawa dalam usaha memulihkan keyakinan, kerajaan tidak akan memungkirkan jaminannya dan melakukan tindakan bail-out atau corporate restructuring.

Menurut laporan, Commerce Asset-Holdings Bhd. (CAHB), syarikat subsidiari Bank of Commerce (BOC) telah bercadang untuk membeli saham MBF Finance Bhd. sebanyak 37.5%. BOC dahulunya pernah menjadi sasaran merger apabila Rashid Hussein Bhd. mengumumkan hasratnya dan memulakan perundingan dengan CAHB.

Ada dikatakan bahawa satu sebab pergabungan antara RHB dan BOC gagal adalah kerana CAHB meminta dibayar dalam tunai, tetapi RHB tidak dapat membayar dalam tunai oleh kerana tidak ada tunai. Jika ini benar, soalnya sekarang adalah: mengapakah KWSP membiayai RHB dengan membayarnya sebanyak RM1.5 bilion untuk menyelamatkan Sime Bank dan KUB? Sekiranya KWSP dengan tiba-tibanya berminat dalam sektor perbankan, bukankah lebih murah bagi KWSP untuk mengambil alih Sime Bank secara terus dengan aset nyata bersihnya (NTA) yang berjumlah RM588.9 juta pada 31 Disember 1997, dan bukannya membeli saham baru Sime Holding sebanyak RM1.5 bilion untuk membolehkan RHB mengambil alih Sime Bank?

Zainal Rampak berkata bahawa sehingga minggu lepas, beliau tidak sedar tentang cadangan KWSP untuk membayar sebanyak RM1.5 bilion untuk membeli saham PLUS. Maka adalah selamat untuk menganggap bahawa beliau serta wakil-wakil kesatuan pekerja lain dalam Lembaga KWSP juga tidak mengetahui tentang

cadangan KWSP untuk membayar RM1.5 bilion kepada RHB untuk membolehkannya mengambil alih Sime Bank.

Soalnya adalah: siapakah yang membuat keputusan strategi mengenai cara tabung KWSP harus dialirkan dan dilaburkan? Adakah Lembaga KWSP, Panel Pelaburan KWSP, atau seseorang yang berada di luar KWSP yang memutuskan dahulu cara bagaimana wang KWSP digunakan dalam siri bail-out yang bakal dilakukan, dan Panel Pelaburan KWSP hanya melaksanakan arahan-arahan itu sahaja?

Adakah Majlis Eksekutif NEAC yang sebenarnya memegang kuasa sebenar dalam memutuskan bagaimana tabung KWSP yang berjumlah RM130 bilion diedar, dialir dan dilabur? Jika begitu, adakah kuasa ini sah dari sisi undang-undang dan Perlembagaan?

Kerajaan telah membuat kenyataan-kenyataan yang tidak konsisten mengenai krisis bank di negara ini.

Pertama sekali, jika Bank Negara berulang kali memberi jaminan mengenai kekukuhan sistem bank dan kewangan di Malaysia dan menekankan tanggungjawabnya untuk memastikan sektor bank adalah kukuh dan sempurna, maka mengapakah Bank Negara membenarkan keadaan di mana Sime Bank menanggung kerugian sebelum cukai sebanyak RM1.57 bilion yang sungguh memeranjatkan dalam masa enam bulan hingga 31 Disember tahun lepas, sehingga memerlukan tambahan modal sebanyak RM1.2 bilion?

Kedua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata bahawa beliau telah membenarkan Bank Negara menyiasat tentang kerugian Sime Bank Berhad yang berjumlah RM1.8 bilion supaya dijadikan satu amaran kepada bank-bank lain untuk membetulkan masalah-masalah, pengurusan yang salah atau kelemahan-kelemahan yang ada. Walau bagaimanapun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pula melindungi bank-bank berkenaan dengan mengatakan bahawa peminjam-peminjam dari bank tidak harus dipersalahkan atas kerugian yang dialami oleh bank-bank ini, kerana mereka kini tertekan oleh krisis ekonomi dan tidak dapat membayar balik pinjaman mereka. Beliau berkata bahawa jika negara Malaysia tidak diserang oleh masalah mata wang, masalah sebegini tentunya tidak akan timbul.

Sebelum ini, semasa memberi komen tentang pendedahan Bank Negara bahawa Sime Bank dan Bank Bumiputra memerlukan modal tambahan sebanyak RM1.2 bilion dan RM750 juta masing-masing, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyalahkan penurunan nilai Ringgit dan nilai saham sebagai punca masalah bank-bank ini, dan berkata: 'Sebelum ini, bank-bank ini adalah sangat kukuh tetapi apabila anda meruntuhkan keteguhan kewangan mereka, mereka tentu akan terjejas juga'.

Jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memutuskan bahawa kerugian Sime Bank dan Bank Bumiputra adalah disebabkan oleh unsur luaran, dan tidak berkaitan dengan kesalahan pengurusan sektor bank atau perbuatan bank yang tidak bijak, maka apakah tujuan utama Bank Negara untuk menyiasat kerugian Sime Bank kalau Perdana Menteri sudah buat satu keputusan awal bahawa itu tidak salah, bukan kesilapan bank-bank, tidak perlu siasatan.

Kerajaan juga sedang mengemukakan satu mesej yang salah dan tidak wajar, iaitu bahawa Bank Negara akan menyiasat kerugian Sime Bank dan bukannya kerugian Bank Bumiputra, Abrar Finance serta Cempaka Finance. Sebenarnya ini merupakan usaha ketiga kerajaan untuk menyelamatkan Bank Bumiputra menerusi wang rakyat dalam tempoh 12 tahun.

Kali pertama Bank Bumiputra memerlukan penyelamatan adalah dalam tahun 1986 di mana Petronas telah memasukkan RM2.5 bilion ke dalam bank berkenaan demi mengelakkan dari kemuflihan (bankruptcy) hasil dari skandal RM2.5 bilion

Bumiputra Malaysia Finance. Kali kedua adalah dalam tahun 1989 di mana Parlimen meluluskan wang RM982 juta selepas Bank Bumiputra mengalami kerugian RM1.06 bilion pada tahun berkenaan hasil dari jumlah hutang non-performing loan yang terlalu tinggi iaitu RM1.23 bilion.

Sehingga kini tidak ada sebarang penjelasan yang lengkap dan memuaskan mengenai siapakah yang sebenarnya bertanggungjawab terhadap bertimbunnya pinjaman-pinjaman non-performing yang begitu tinggi, dan kini Bank Bumiputra perlu diselamatkan untuk kali yang ketiga. Perkara ini langsung tidak boleh diterima. Adakah kerajaan bercadang untuk membentangkan satu kertas putih di Parlimen dengan tajuk "Tiga Kali Usaha Menyelamatkan Bank Bumiputra Dalam Tempoh 12 Tahun"?

Usaha bailout kelima yang bakal berlaku melibatkan usaha Petronas untuk menyelamatkan syarikat-syarikat Mirzan Mahathir yang berlarutan dengan hutang dan Konsortium Perkapalan Bhd. dengan membeli kesemua operasi perkapalan serta pemilikan pengangkutan LNGnya menerusi urusniaga yang kompleks yang melibatkan MISC untuk satu jumlah terlibat yang tidak diumumkan. Adalah sungguh ketara bahawa berikutan dengan pengumuman bailout berkenaan, apabila saham MISC disenaraikan semula di BSKL pada 12 Mac, nilai sahamnya jatuh 15 sen menjadi RM5.20, manakala Konsortium Perkapalan Bhd. meningkat 24 sen, menjadi RM3.86 dalam satu pasaran yang lemah, menunjukkan siapakah sebenarnya yang merupakan beneficiary dalam keseluruhan operasi berkenaan.

*Asiaweek* telah membangkitkan satu soalan sindiran, dengan izin, "When is a bailout not really a bailout?" Jawapan yang diberikannya sendiri adalah: "When top officials say it is not." *Asiaweek* berkata bahawa transaksi-transaksi kebelakangan ini yang bertujuan untuk membantu para perniaga yang dilanda masalah hanya boleh diuraikan sebagai 'bailout', kerana sungguhpun mereka mungkin tidak bergantung ke atas wang negara, tetapi semua usaha berkenaan telah melibatkan agensi-agensi dan badan-badan berkanun yang dikawal oleh kerajaan. Ini apa yang ada disebut dalam *Asiaweek*, dengan izin:

*"The biggest and most controversial deal so far is the apparent rescue of Mahathir's eldest son, the once fast-rising Mirzan, 39, and his floundering shipping empire....Petronas and MISC have not put a price on the acquisitions, but Mirzan already has said the deal will wipe out some US\$420 million in debts. Several Cabinet members are alarmed by the transaction. 'I thought such things could only happen in Indonesia or some African country,' says an UMNO leaders. Mirzan, for his part, told reporters; 'I don't think it is a bailout. It's only a bailout if you say so.' Let's say so."*

Kerajaan mesti menunaikan janji dan jaminannya untuk tidak akan menyelamatkan syarikat-syarikat dan individu-individu yang ditimpa masalah sama ada dengan melibatkan perbelanjaan awam ataupun agensi-agensi kerajaan dan badan-badan berkanun seperti KWSP, Petronas dan Khazanah. Satu cara untuk memastikan bahawa kita hanya akan menyelamatkan negara dan bukannya syarikat atau individu terpilih adalah dengan menubuhkan satu Jawatankuasa Penelitian Parlimen Semua Parti yang berkuasa untuk memeriksa sebarang usaha penyelamat yang berunsur menyelamatkan syarikat atau individu terpilih menerusi perbelanjaan awam. Adakah kerajaan bersedia untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Penelitian Parlimen mengenai bailout?

Sejak pengumuman yang mengejutkan mengenai dividen KWSP tahun lepas sebanyak 6.7% dua minggu yang lalu, Pengerusi Eksekutif KWSP, Tan Sri Sallehuddin Mohamad dan 19 orang ahli Lembaga KWSP terus berdegil untuk berdiam diri sahaja, enggan memberitahu 9 juta orang ahli KWSP dengan sebab-sebab yang lengkap mengenai dividen KWSP yang paling rendah dalam tempoh 22 tahun. Dividen tahun lepas adalah lebih rendah daripada dividen 1985 apabila pertumbuhan

negara berada tahap negatif -1%. Pada masa tersebut, KWSP masih berupaya mengumumkan dividen sebanyak 8.5%.

Pengerusi Eksekutif KWSP dan Lembaga KWSP langsung tidak mengendahkan kemarahan para ahli KWSP yang ingin mengetahui sebab mengapa dividen KWSP tahun lepas boleh merosot menjadi dividen yang paling rendah selama ini, sementara Amanah Saham Bumiputera dapat mengumumkan dividen sebanyak 11.5% bagi tahun 1997, faedah pinjaman sesetengah bank pula meningkat menjadi 14% dan faedah untuk Simpanan Tetap meningkat menjadi 11% dan semakin naik. Mereka juga enggan menunjukkan teladan pengurusan korporat yang baik dengan mengamalkan prinsip terbuka, ketanggungjawapan dan ketelusan di samping enggan menjawab soalan-soalan penting mengenai dasar dan keputusan pelaburan KWSP, khasnya mengenai:

- (i) Butir-butir penuh mengenai pelaburan ekuiti KWSP yang menyebabkan pendapatan KWSP dari ekuiti jatuh dari RM1,188.77 juta dalam tahun 1996 kepada RM994.27 juta dalam tahun 1997 sama ada semua ekuiti ini dibeli sebelum kegawatan pasaran saham pada bulan Julai atau sebaliknya.
- (ii) Kerugian yang dialami oleh KWSP akibat daripada pelaburan singkat KWSP dalam pasaran saham Kuala Lumpur semasa kegawatan kewangan pada pertengahan tahun 1997 yang kedua, dan terutamanya peranan dan akibat KWSP dalam skim kerajaan untuk mengeluarkan RM60 bilion demi memperkukuhkan harga saham-saham tertentu dari awal bulan September tahun lepas.
- (iii) Sama ada KWSP telah rugi sebanyak RM4 bilion dalam BSKL tahun lalu oleh kerana melibatkan dalam saham.
- (iv) Penglibatan KWSP dalam usaha bailout syarikat-syarikat yang bermasalah, seperti UEM, Sime Bank dan KUB Bhd.

Sebagai kesimpulan, Pengerusi Eksekutif KWSP dan Lembaga KWSP bertindak seakan-akan mereka tidak tertakluk kepada mana-mana undang-undang dan tidak perlu bertanggungjawab terhadap 9 juta ahli KWSP sungguhpun mereka telah dilantik untuk mengurus dan bertanggungjawab atas wang simpanan pekerja sebanyak RM130 bilion.

Kedudukan para ahli KWSP nampaknya lebih teruk daripada pemegang saham syarikat yang berhak meminta diadakan mesyuarat biasa atau mesyuarat tergempar untuk mendapatkan penjelasan daripada para pengarah syarikat, tetapi penyumbang KWSP nampaknya tidak mempunyai sebarang saluran atau jalan supaya Lembaga KWSP dan bahagian pengurusan KWSP bertanggungjawab ke atas tugas mereka dalam mengawasi wang KWSP sebanyak RM130 bilion.

Sejak pengumuman yang mengejutkan mengenai dividen KWSP sebanyak 6.7%, saya telah mengeluarkan beberapa kenyataan mengenai kekhuatiran dan permintaan 9 juta ahli-ahli KWSP untuk mendapatkan jawapan daripada KWSP, tetapi semua usaha ini tidak diendahkan langsung. Jika KWSP masih terus berdiam diri dan enggan bertanggungjawab dan berketelusan dalam polisi dasar pelaburan dan keputusan mengenai tabung KWSP sebanyak RM130 bilion, maka DAP akan mengambil tindakan undang-undang untuk menghalang KWSP dari menggunakan tabung KWSP untuk menyelamatkan UEM, Sime Bank dan KUB.

Tibalah masanya untuk kita mengingatkan Pengerusi Eksekutif KWSP dan Lembaga KWSP bahawa gaji dan elaun mereka adalah dibayar dari tabung KWSP dan mereka merupakan trustee serta pekerja kepada 9 juta ahli-ahli KWSP, dan bukannya birokrat KWSP yang tidak perlu bertanggungjawab terhadap sesiapa pun. Pengerusi

Eksekutif KWSP dan Lembaga KWSP mesti membentuk satu mekanisme untuk membolehkan para ahli KWSP memberikan cadangan dan meluahkan keprihatinan mereka serta mendapatkan jawapan yang sewajarnya.

Contohnya, para ahli KWSP berhak mengetahui sama ada terdapat percanggahan kepentingan apabila KWSP membeli saham Sime Darby pada tahun lepas, memandangkan CEO Sime Bank, Datuk Ismail Zakaria sekarang sudah dipaksa untuk meletak jawatan, merupakan salah seorang ahli Panel Pelaburan KWSP.

Pada 31 Oktober 1997, KWSP telah membeli 128 juta saham Sime Darby. Perkara ini berlaku selepas masalah Sime Bank telah didedahkan kepada pengurusan tertinggi Sime Darby, di mana menurut laporan penyiasatan Price Waterhouse ke atas Sime Securities, iaitu anak syarikat broker saham Sime Bank, kesimpulannya pada 26 September adalah Sime Securities telah secara berterusan melanggar had urusaniaga dengan seseorang pelanggan, as a single customer limit dengan pendedahan exposure urusaniaganya mencapai jumlah RM980 juta dalam bulan Mei sungguhpun had urusaniaga yang dibenarkan hanya sebanyak RM150 juta.

Ini telah mengakibatkan Sime Darby mengalami kerugian kumpulan sebelum cukai sebanyak RM1.8 bilion bagi setengah tahun yang berakhir pada 31 Disember 1997. Kerugian disebabkan terutamanya oleh kerugian sebelum cukai Sime Bank yang mengejutkan iaitu sebanyak RM1.57 bilion dalam tempoh enam bulan hingga 31 Disember 1997 dan seterusnya mengakibatkan keperluan tambahan modal sebanyak RM1.2 bilion. Baru-baru ini saya dapat satu senarai mengenai Pengerusi dan Ahli-ahli Panel Pelaburan KWSP. Dalam senarai yang terkini antara anggotanya ialah Datuk Ismail Zakaria. Kita mahu penjelasan sama ada conflict of interest berlaku dalam perkara ini dan sama ada kepentingan anggota ahli-ahli KWSP dibela dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen harus mempertimbangkan isu-isu yang lebih luas kesannya yang timbul berikutan krisis ekonomi kali ini. Adakah Malaysia merupakan mangsa proses globalisasi dan sama ada berikutan dengan perkembangan ini, kita harus membelakangkan proses globalisasi ini? Globalisasi merupakan kehidupan antarabangsa yang tidak dapat disangkalkan lagi. Satu zaman baru sedang muncul berasaskan globalisasi ekonomi dunia. Perkembangan ini mempunyai aspek-aspek positifnya seperti peningkatan kecekapan ekonomi, daya dorongan baru bagi perdagangan dan output sedunia, barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih baik dan banyak untuk pelanggan pada harga yang lebih murah, serta peluang-peluang pasaran baru.

Walau bagaimanapun, globalisasi juga mempunyai kesan-kesan negatifnya seperti kegawatan kewangan, pembangunan yang tidak sama rata, ketidakadilan yang semakin bertambah, kadar pengangguran yang tinggi, pengeneplan sosial dan pergolakan sosial. Globalisasi juga telah menambahkan kuasa korporat-korporat multinasional, orang-orang yang pandai memanipulasikan pasaran mata wang asing serta organisasi-organisasi antarabangsa sehingga menjejaskan kerajaan, pengundi dan proses demokrasi. Apa yang diperlukan oleh dunia kita adalah satu sistem tanggungjawab kolektif yang baru untuk menghapuskan kesan-kesan negatif ini dan memupuk potensi pembangunan berterusan masyarakat.

Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri balik dari lawatannya ke Germany pada hari Ahad, beliau berkata bahawa walaupun beliau cuba menjelaskan sebab-sebab berlakunya masalah ekonomi di negara kita kepada negara-negara yang telah dilawatnya baru-baru ini, mereka masih terus mempersalahkan kerajaan. Beliau berkata: "Walaupun di mana-mana sahaja saya menjelaskan masalah-masalah itu, respon mereka ialah kita harus membina keyakinan dan mempunyai kerajaan yang berdisiplin dan berketelusan. Ringkasnya, mereka mempersalahkan kerajaan negara-negara Asia Tenggara. Mengapakah ini berlaku?"

Salah satu sebab yang menghasilkan keadaan seperti ini adalah globalisasi ekonomi sedunia yang telah mengurangkan keberkesanan dasar-dasar ekonomi kebangsaan. Inilah sebab mengapa perlu diwujudkan seni bina (architecture) kewangan antarabangsa yang baru yang dapat menstabilkan dan mengawal pengaliran kewangan antarabangsa, membolehkan perjalanan pasaran antarabangsa menjadi lebih telus dan mengelakkan ketidakstabilan dasar-dasar ekonomi negara bangsa (nation-state).

Pertimbangan yang serius harus ditumpukan ke atas pelaksanaan cukai pusing ganti (turn over tax) ke atas urusan mata wang asing khas untuk tujuan spekulatif. Cukai semacam ini yang dicadangkan oleh Pemegang Anugerah Nobel, James Tobin, harus dilaksanakan di semua pasaran kewangan utama.

Proses globalisasi telah menghadkan peranan yang dimainkan oleh negara bangsa dan masyarakat sedunia perlu membina satu sistem antarabangsa yang berkesan untuk bersama-sama memikul tanggungjawab menjaga dan mengawal ekonomi pasaran dan alam sekitar serta memupuk nilai penyertaan rakyat jelata yang aktif supaya membentuk struktur perwakilan dan organisasi masing-masing, demi menyumbang ke arah pembinaan masyarakat madani sedunia di peringkat tempatan, kebangsaan, serantau serta antarabangsa. Tanpa dimensi sosial dan alam sekitar, kesannya akan menjadi pengglobalisasi kemiskinan, dan bukannya pengglobalisasi kemajuan, dan kesan semacam ini pernah diuraikan sebagai konsep 20:80 dan 'tittytainment'.

Menurut konsep ini, dalam abad seterusnya 20% dari populasi dunia akan berupaya menggerakkan ekonomi dunia, sementara 80% populasi yang selebihnya tidak akan berfungsi dan terpaksa dihidangkan dengan 'tittytainment', iaitu satu adunan hiburan yang menyenyapkan dan makanan yang diperlukan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa mesyuarat Asia-Eropah di London pada bulan depan akan membolehkan negara-negara Asia yang terjejas oleh masalah ekonomi untuk menjelaskan keadaan mereka kepada rakan-rakan di Eropah, tetapi beliau tidak optimistik bahawa mesyuarat itu akan menghasilkan rancangan yang konkrit. Kata beliau, 'ini adalah kerana dalam segi masalah ekonomi masa kini, pendapat orang Eropah berbeza dari rakan-rakan mereka di Asia'.

Nampaknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan lagi seperti dirinya yang penuh keyakinan sebelum ini. Malah beliau sendiri yang mendakwa dirinya telah kehilangan hak berucap. Kegawatan ekonomi Asia kebelakangan ini harus dijadikan peluang untuk kita memulakan satu inisiatif antarabangsa untuk membentuk sistem ekonomi antarabangsa baru demi memastikan bahawa pasaran diwujudkan untuk berkhidmat kepada rakyat, kepada manusia dan bukannya manusia berkhidmat untuk pasaran. Sebagai salah sebuah negara yang terjejas dalam krisis ekonomi ini, Malaysia sepatutnya memainkan peranan penting mengetuai masyarakat dunia untuk mencari satu seni bina (architecture) kewangan antarabangsa yang lebih adil untuk semua negara.

Tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan sahaja tidak berdepan dengan cabaran untuk mendapatkan keadilan kepada masyarakat yang tertindas di dunia ini dengan membentuk sistem ekonomi antarabangsa baru yang sepatutnya menjadi kejayaan cabaran paling besar dan berharga dalam kerjaya awamnya, beliau nampaknya telah mengakui kalah dan tidak dapat berbuat apa-apa.

Sistem kewangan antarabangsa adalah tidak adil dan memang wujud sebab yang kuat untuk pembentukan satu seni bina kewangan antarabangsa baru demi mengawal pengaliran modal, tetapi mengapakah tidak siapa pun yang nampaknya berminat untuk mendengar apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Malaysia, walhal dahulu apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berucap di forum-forum antarabangsa adalah diikuti dengan mendalam.

Ada satu peribahasa yang mengatakan 'those who seek equity must come with clean hands', dan memang benar bahawa dunia tidak menganggap Malaysia mempunyai clean hands apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyalahkan spekulator-spekulator sebagai pihak yang bertanggungjawab menyebabkan kegawatan ekonomi. Sebab-sebabnya ada tiga: Pertama, kebanyakan spekulator ini adalah berbangsa Asia; Kedua, Bank Negara telah membina reputasi sebagai badan yang cuba mengaut untung melalui aktiviti-aktiviti spekulatifnya, termasuk pertaruhan ke atas pound sterling dan Dolar Amerika; Ketiga, kerajaan tidak menangani masalah yang sebenarnya yang pernah diuraikan sebagai berikut, dengan izin:

*"When Southeast Asia jumped on the global bandwagon, it should have prepared for the downs as well as the ups. Instead, many have allowed the region's spectacular economic growth to lull them into a false sense of invincibility and security. By pegging its currencies, Southeast Asian economies have ensured a certain degree of stability to help lure foreign funds. But such easy money is too often splurged on non-productive property markets and wasteful mega projects. To add to the woes, billions are squandered through unmitigated corruption. Such excesses are now being ruthlessly punished by the currency market."*

Tuan Yang di-Pertua, adalah diperkatakan bahawa di dalam setiap krisis ekonomi, analisa akhirnya ialah sebenarnya berbentuk satu krisis politik. Rakyat Malaysia harus menunjukkan bahawa kita mempunyai azam politik untuk melaksanakan reformasi politik, ekonomi dan kewangan yang menyeluruh untuk membetulkan kelemahan dan kekurangan yang wujud di dalam dasar serta struktur negara kita supaya kita mempunyai clean hands untuk bersuara dalam forum antarabangsa menuntut keadilan sistem kewangan antarabangsa yang tidak membawa kepada globalisasi kemiskinan hasil dari pengaliran modal yang tidak terkawal.

Malaysia harus berada di baris depan untuk meminta dikaji semula perjalanan institusi-institusi Bretton Woods supaya institusi-institusi kewangan antarabangsa ini yang ditubuhkan lebih 50 tahun dahulu dalam konteks ekonomi makro yang telah berubah secara drastiknya dapat diperbaharui dan menjadi lebih berkesan dalam menangani cabaran-cabaran yang dihadapi oleh negara-negara membangun hari ini, antaranya:

- (i) rangka yang berbeza untuk program-program structural adjustment di dalam keadaan yang berbeza, mengambil kira keperluan sosial;
- (ii) perubahan dalam kuota modal di IMF dan Bank Dunia, dengan mengagihkan lebih banyak hak mengundi kepada negara-negara membangun;
- (iii) institusi-institusi kewangan serantau yang baru atau yang diperkukuhkan lagi, supaya dapat membantu keperluan ekonomi-ekonomi tempatan;
- (iv) mekanisme baru untuk melaraskan ketidakseimbangan imbalan pembayaran dengan membantu mengawal kadar pertukaran yang stabil tetapi fleksibel.

Bagaimanapun, jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhasrat untuk berucap dengan lebih berwibawa, moral di dalam forum antarabangsa mengenai demokrasi dan keadilan dalam sistem antarabangsa, maka Kerajaan Malaysia mestilah bersedia untuk lebih berdemokratik dan adil dalam segi dasar-dasar kebangsaan di negara ini.

Satu soalan yang patut dibangkitkan adalah sama ada krisis ekonomi ini menandakan satu penghuraian model pembangunan yang berasaskan pertumbuhan pesat yang dibantu oleh kemasukan modal asing yang besar.

Arus pertumbuhan kedua bagi ekonomi Asia Timur yang berlaku di Malaysia, Thailand dan Indonesia adalah disebabkan oleh kemasukan modal asing yang besar-besaran, khasnya dari Jepun, hasil dari Plaza Accord tahun 1985. Plaza Accord telah memaksa Jepun meningkatkan nilai Yen secara drastik berbanding Dolar Amerika. Berikutan dengan kos pengeluaran di Jepun yang turut meningkat, negara-negara Asia Tenggara menjadi tumpuan kemasukan modal yang pesat yang pertama kali berlaku di dunia negara membangun dalam sejarah moden.

Mengikut satu anggaran, sejumlah US\$40 bilion telah keluar dari Jepun dan dimasukkan ke rantau ini untuk mendapatkan pekerja-pekerja murah yang membolehkan segala hasil pengeluaran dieksport ke Amerika Syarikat dan Jepun. Tetapi tidak seperti Taiwan dan Korea, pertumbuhan di Asia Tenggara ini sungguh tidak serata.

Bank Dunia telah meramalkan akan berlakunya pengurangan pengaliran modal swasta tahun ini, sementara Institute of International Finance (IIF) dalam laporan terbarunya yang bertajuk "Capital Flows to Emerging Markets", meletakkan Malaysia bersama Indonesia, Filipina, Korea Selatan dan Thailand sebagai, dengan izin, "the five economies most affected by the Asian crisis", dan berkata bahawa pengaliran modal swasta ke dalam kelima-lima ekonomi ini telah berkurang dari US\$93 bilion dalam 1996 menjadi pengaliran keluar sebanyak US\$12 bilion dalam 1997. Ramalan IIF untuk tahun 1998 adalah pengaliran keluar modal akan berterusan dari kelima-lima negara ini pada tahap US\$9.4 bilion.

Pengunduran secara strategik pengaliran modal swasta ini membangkitkan persoalan mengenai daya maju untuk meneruskan model pertumbuhan pesat yang dibantu oleh kemasukan modal asing serta perlunya untuk mencari jalan alternatif bagi mendapatkan pertumbuhan yang lebih berasaskan keberkekalan ekologi (ecological sustainability).

Maka atas konteks inilah Malaysia harus berdiri di baris depan untuk memulakan perubahan orientasi di dalam APEC dan meletakkan isu-isu sosial ke atas agenda APEC semasa Persidangan Kemuncak Pemimpin APEC November ini. APEC, sama ada mengikut namanya mahupun mengikut fungsinya adalah terhad di atas isu-isu ekonomi sahaja dan pada keseluruhannya adalah tidak berkait langsung dengan isu-isu sosial. Maka isu sustainable development tidak dimasukkan ke agenda APEC. Ini merupakan satu langkah regresif yang serius. Oleh kerana dalam era globalisasi, cara mengasingkan isu ekonomi dari isu sosial adalah sama seperti melupakan dunia realiti.

APEC telah melakukan usaha yang banyak dalam memujuk kerjasama masyarakat perniagaan antarabangsa. Satu-satunya organisasi yang mempunyai status perundingan (consultative) penuh adalah APEC Business Advisory Council.

Sungguhpun peranan masyarakat madani telah diakui dalam dunia antarabangsa dan negara-negara APEC dan juga menunjukkan komitmen mereka dalam arena dunia, tetapi APEC masih enggan mengisytiharkan kedudukan masyarakat NGO. Malaysia harus membentuk teladan antarabangsa yang mengisytiharkan sepenuhnya masyarakat NGO dan memberikan sokongan kepada Persidangan Kemuncak Rakyat (People Summit) yang kini sedang dalam proses perancangan untuk diadakan bersama-sama dengan Persidangan Kemuncak Pemimpin APEC di Kuala Lumpur November ini.

Di Hanover minggu lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa seluruh negara kita akan menjadi MSC pada tahun 2020. Ini merupakan satu cita-cita yang sungguh bermakna, tetapi adakah langkah-langkah telah diambil untuk melaksanakan cita-cita ini? Sememangnya rancangan yang melibatkan seluruh negara adalah lebih bermakna dari membelanjakan berbilion-bilion ringgit untuk membangunkan satu kawasan terhad. Adalah lebih adil untuk semua rakyat menikmati kemajuan teknologi dari membolehkan sesetengah orang menggunakan chips P6 dan



sistem yang tercanggih dan yang lain tidak mendapat bekalan elektrik. Adalah lebih wajar supaya rakyat berkongsi pembangunan, di mana semua sekolah dilengkapi dengan komputer dan bukannya hanya berpuas hati dengan beberapa sekolah Bestari yang hi-tech, sementara sekolah-sekolah lain tidak mendapat perhatian yang sebaik-baiknya.

Kini telah tiba masanya untuk kerajaan melaksanakan cadangan yang telah saya hulurkan semasa membahar Rang Undang-undang Pendidikan dalam tahun 1995 supaya memasukkan kecekapan komputer sebagai mata pelajaran teras untuk sekolah-sekolah rendah dan menengah. Apakah kemajuan dalam segi memastikan bahawa kesemua 250,000 guru-guru di negara ini adalah celik komputer supaya mereka berupaya mengajar murid-murid mereka dan tidak wujud keadaan di mana, dengan izin, 'the blind leading the blind'.

Walau bagaimanapun, rakyat Malaysia masih ragu-ragu sama ada kerajaan atau negara kita telah bersedia dalam melaksanakan projek yang bercita-cita tinggi untuk melonjak ke masyarakat maklumat sedangkan kesengsaraan para TMnet boleh diabaikan sekian lama tanpa cara penyelesaian yang memuaskan Telekom atau mendapat perhatian dari badan-badan penguatkuasa. TMnet telah menghasilkan begitu masalah dalam bulan-bulan yang lepas tanpa sebarang penjelasan. Para pelanggan TMnet mengadu bahawa mereka tidak dapat menggunakan pelbagai perkhidmatan paling asas Internet seperti E-mel.

Sistem pengurusan (Sysadmins) di merata dunia telah melaporkan masalah menghantar E-mel ke alamat-alamat TMnet. Masalah TMnet bukan sahaja menjejaskan pelanggan-pelanggannya sahaja tetapi juga Sysadmins di seluruh dunia kerana Sysadmins ini terpaksa meluangkan masa untuk menjelaskan kepada para pengguna mereka mengapa E-mel yang dihantar tidak dapat diedarkan. Ini telah memburukkan nama Malaysia memandangkan Telekom Malaysia merupakan satu-satu monopoli perkhidmatan Telekom dan data di MSC. Bukan sahaja TMnet tidak dapat menghantar E-mel pelanggannya, malah ia sering mengedarkan E-mel yang diterima ke alamat yang silap. Bukankah ini merupakan satu jenis pencabulan privasi pelanggan yang paling besar?

Sudah tentunya Telekom Malaysia yang begitu gembira mengeluarkan lesen ISP kepada TMnet, harus mengawalselia TMnet untuk memastikan kualiti perkhidmatannya mencapai piawai minimum? Bolehkah Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menjelaskan mengapakah Jabatan Telekom tidak mengendahkan kesengsaraan para pengguna TMnet sekian lama ini?

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, selepas 44 tahun merdeka, kini telah sampai masanya kerajaan melantik Orang Asli untuk memegang jawatan Ketua Pengarah serta Pengarah Negeri Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Adalah sungguh memeranjatkan bahawa selepas lebih dari 44 tahun kerajaan masih tidak melantik Orang Asli untuk menjawat jawatan Ketua Pengarah JHEOA. Apa yang lebih memeranjatkan adalah tidak seorang pun Orang Asli yang dilantik sebagai Pengarah JHEOA peringkat negeri.

Ini menggambarkan kegagalan kerajaan dalam usaha meningkatkan status dan kehidupan Orang Asli walaupun JHEOA telah ditubuhkan sejak 1954. Masyarakat Orang Asli yang berjumlah 92,000 orang merupakan kumpulan yang paling ditindas dalam segi sosio-ekonomi mereka dan seharusnya mendapat perhatian yang sepenuhnya dari kerajaan untuk memastikan bahawa mereka ini menjadi beneficiary dan bukannya mangsa proses pembangunan.

Bagaimanapun, sekiranya selepas 44 tahun kerajaan masih tidak dapat melantik seorang Orang Asli sebagai Ketua Pengarah, atau Pengarah JHEOA Negeri, maka tidak hairanlah Orang Asli ini terus menjadi masyarakat yang paling mundur dan

tertindas dan aspirasi mereka untuk mendapat hak-hak tanah serta perkembangan sosio-ekonomi diabaikan.

Negara kita harus menggubal dasar yang sebaik-baiknya untuk melantik Orang Asli ke dalam setiap tahap pengurusan kerajaan, bermula dengan wakil Orang Asli di dalam kerajaan tempatan di mana wujudnya perkampungan Orang Asli, sehinggalah ke peringkat kebangsaan, di mana Orang Asli dipilih menjadi ahli parlimen, setiausaha parlimen, timbalan menteri, malah menteri.

Ahad yang lepas, satu Persidangan Kebangsaan Orang Asal/Asli telah diadakan di Tapah dan berikut adalah resolusi-resolusi yang telah diluluskan:

1. Orang Asal/Asli hendaklah diberi hak sepenuhnya untuk menentukan masa depan mereka sendiri.
2. Persatuan Orang-orang Asli Semenanjung Malaysia (POASM) hendaklah diperluaskan ke Malaysia Timur untuk mewakili orang-orang asal dari Sabah dan Sarawak. Orang-orang Asal Malaysia Timur hendaklah diwakili dalam Persatuan ini. Nama baru POASM hendaklah ditentukan selepas perwakilan diperluaskan.
3. Perundingan dengan Orang Asal/Asli hendaklah terlebih dahulu diadakan dan persetujuan daripada mereka diperolehi sebelum apa-apa hal atau perkara yang ada kaitan atau berkenaan dengan Orang Asal/Asli hendak diputuskan.
4. Perundingan tersebut hendaklah dibuat dengan orang-orang Asal/Asli kampung berkenaan, ketua kampungnya dan POASM dan keputusan muktamad Orang-orang Asli akan diberitahu kepada pihak kerajaan melalui ketua-ketua kampung berkenaan.
5. Seluruh tanah adat Orang Asal/Asli dan kawasan-kawasan yang sedang didiami oleh Orang Asal/Asli hendaklah diiktiraf dan diwartakan sebagai tanah rezab Orang Asal/Asli. Pendudukan Orang Asal/Asli bolehlah ditentukan dengan pokok tanaman, tanda penerokaan awal, nama tempat, dusun, kebun, tempat kubur, tempat keramat dokumen-dokumen lama dan sebagainya.
6. Hakmilik tanah untuk selama-lamanya hendaklah diberikan kepada individu-individu Orang Asal/Asli yang memohon untuk tanah sama ada dalam tanah rezab Orang Asal/Asli atau di luar tanah rezab Orang Asal/Asli seperti yang telah diberikan kepada warganegara kaum lain di negara ini.
7. Memandangkan taraf sosio-ekonomi Orang Asal/Asli sebagai kaum yang termiskin di negara ini, bayaran premium atau lain-lain bayaran yang dikenakan untuk pemberian hakmilik tanah tersebut hendaklah sekadar satu jumlah yang minimum (a token sum) yang mampu dibayar oleh Orang Asal/Asli.
8. Jika tanah rezab yang diduduki oleh Orang Asal/Asli atau tanah lain kepunyaan Orang Asal/Asli terpaksa diambil untuk kepentingan negara atau kepentingan awam, pampasan nilai pasaran hendaklah diberikan dan ia perlulah mengambil kira potensi hartanah tersebut.

9. Jika pengambilan tanah rezab tanah Orang Asal/Asli melibatkan penempatan semula penduduk dan kemusnahan sumber pencarian rezeki, perundingan seperti resolusi 1 dan 2 hendaklah ditempatkan semula tempat yang boleh memastikan ekonomi mereka lebih kukuh dan dengan kemudahan asas yang lebih baik.
10. Jika mana-mana tanah rezab Orang Asal/Asli dimansuhkan kedudukannya sebagai tanah rezab Orang Asal/Asli, tanah baru yang sama luas dan nilai hendaklah diwartakan sebagai rezab Orang Asal/Asli.
11. Peruntukan belanjawan negara baik di peringkat Persekutuan mahupun di peringkat negeri hendaklah dipertingkatkan untuk memperbaiki keperluan asas Orang Asal/Asli seperti bekalan elektrik dan air, jalan, klinik, sekolah dan sebagainya. Peruntukan kewangan untuk persekolahan, pengajian tinggi dan latihan kemahiran hendaklah mencukupi untuk mempertingkatkan pembangunan sumber manusia dan kemahiran di kalangan Orang Asal/Asli.
12. Amalan memberi lesen kepada orang tengah untuk membeli barang keluaran dari sesuatu penempatan Orang Asal/Asli hendaklah diberhentikan. Orang Asal/Asli hendaklah diberi kebebasan untuk menjualkan barang keluaran mereka kepada lebih banyak pihak supaya mereka akan mendapat harga yang lebih baik untuk barangan mereka.
13. Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan hendaklah dipinda untuk memasukkan Orang Asli sebagai kaum yang juga layak untuk keistimewaan yang dinikmati oleh orang Melayu dan kaum pribumi Sabah dan Sarawak. Keistimewaan-keistimewaan diberikan kepada orang Melayu dan kaum pribumi hendaklah juga dibuka dan dilanjutkan kepada Orang Asal/Asli.
14. Jabatan Orang Asli hendaklah diterajui dan dikendalikan oleh Orang Asli sendiri. Peralihan untuk mengambil alih Jabatan Orang Asli sendiri hendaklah dibuat secara berperingkat-peringkat. Pengambilan alih sepenuhnya Jabatan Orang Asli oleh Orang Asli sendiri hendaklah siap dalam tempoh masa 10 tahun.
15. Setiap Majlis Daerah yang mempunyai 2,000 orang atau lebih hendaklah mempunyai seorang wakil Orang Asal/Asli.
16. Orang Asal/Asli hendaklah diwakili di Dewan Undangan Negeri, melainkan negeri tersebut tidak mempunyai jumlah terlalu kecil Orang Asal/Asli, Parlimen dan Dewan Negara.
17. Jabatan Orang Asli hendaklah menggugurkan matlamatnya yang menggalak Orang Asli memeluk agama Islam. Kepercayaan Orang Asli dan kebebasan Orang Asli beragama hendaklah dihormati. Semua Orang Asli hendaklah dilayan sama rata tanpa mengira agama yang dianuti oleh mereka. Peruntukan kerajaan, bantuan dan

kemudahan yang diberikan seperti balai raya masyarakat, jalan, bekalan elektrik dan air hendaklah diberikan tanpa mengira agama yang dianuti oleh mereka.

18. Satu Suruhanjaya ditubuhkan untuk mengkaji dan menentukan keperluan dan kehendak Orang Asal/Asli dan Kerajaan Persekutuan hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memenuhi keperluan dan kehendak Orang Asal/Asli.

Saya menyeru kerajaan berkenaan supaya menubuhkan satu unit dengan tugas khas untuk mempertimbangkan 18 cara resolusi ini dan cara penyelesaian ini untuk memastikan Orang Asli dan orang asal di Malaysia dibawa ke bidang pembangunan dan bukan menjadi mangsanya.

Sehubungan itu, saya menyeru JHEOA bersama-sama semua pihak berkuasa yang berkaitan, sama ada Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri Selangor mengambil tindakan untuk memberhentikan kegiatan pembalakan di tanah Orang Asli di Pertak, Kuala Kubu Bahru. Kegiatan pembalakan ini telah menjejaskan hak dan kepentingan Orang Asli di kawasan itu.

Pada 27 Oktober 1996, bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Taib membatalkan permit yang dikeluarkan kepada K.O.A. Pertak Enterprise untuk membalak kawasan seluas 158 hektar pada bulan April dan diserahkan kepada batin (penghulu) kampung Orang Asli Pertak, selepas tanah itu dimusnahkan oleh sesiri banjir kilat dan hakisan tanah.

Sepanjang tahun itu, aktiviti pembalakan yang tidak bertanggungjawab telah menyebabkan banjir kilat dan hakisan tanah yang semakin teruk di kawasan Ampang Pecah, Kuala Kubu Bahru, Pertak, Bukit Fraser. Kawasan yang paling teruk ialah Ampang Pecah, di mana tiga atau empat banjir yang teruk berlaku setiap tahun untuk dua tahun yang lepas dan menyebabkan nilai sewaan dan nilai rumah menjunam.

Adalah amat memeranjatkan, pengambilan balik konsesi balak telah dikembalikan baru-baru ini oleh Kerajaan Negeri Selangor masa ini. Tindakan ini langsung tidak mengambil kira hak dan kepentingan Orang Asli di kawasan berkenaan serta pengawalan kualiti alam sekitar. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor yang baru harus campur tangan untuk menunjukkan bahawa beliau mengambil berat mengenai kepentingan dan hak-hak Orang Asli serta alam sekitar sama seperti atau tidak kurang daripada predecessor beliau Tan Sri Muhammad Taib. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Marang.**

**5.50 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Wassalamu 'alal manitta ba'al hudaa. Persidangan kali ini diadakan ketika negara dilanda oleh berbagai-bagai krisis yang membimbangkan tetapi perbincangannya seringkali ditumpukan kepada satu perkara yang dikira baru disedari sahaja.

Perkara dahulu yang belum diselesaikan dilupakan begitu sahaja tanpa penyelesaian yang menjadi perbincangan hangat kini dalam masalah ekonomi. Sebelumnya pernah dihebohkan masalah gejala sosial yang gerun - gejala murtad, kadar jenayah yang meningkat dan yang terakhir pula perkara kemalangan jalan raya yang dikatakan Malaysia juga yang menjadi terbanyak mengalaminya.

Sebenarnya semua perkara tersebut belum diselesaikan sepenuhnya bahkan semakin meningkat dan menyulitkan. Dalam persidangan ini saya ingin mengulangi

beberapa perkara yang pernah saya sebutkan dalam Dewan ini sejak menyertai beberapa persidangan yang lalu.

Di antaranya perkara yang dianggap oleh pihak kerajaan remeh-temeh dan tidak penting ketika itu tetapi sekarang ini sudah menjadi perkara yang diputuskan pentingnya oleh Kabinet seperti keputusan menggalakkan peningkatan keperluan makanan negara. Ini sebagai contoh sahaja. Saya pernah menyatakan di dalam Dewan ini bahawa kebahagiaan manusia seluruhnya termasuk juga manusia dalam negara kita ini apabila dapat memelihara lima perkara penting yang menjadi rukun hidup mereka, iaitu memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta-benda.

Perkara-perkara ini juga wajib dititikberatkan oleh kerajaan dan ditegaskan dengan pelaksanaan undang-undang. Akhir-akhir ini ternyata, kelima-lima perkara tersebut telah diabaikan dan tidak dipelihara dengan baik. Dalam perkara agama dijejaskan oleh berlakunya gejala murtad yang menunjukkan bahawa Islam, yang diisytiharkan menjadi Agama Persekutuan itu tidak diberi perlindungan yang sewajarnya.

Dalam perkara nyawa pula dicemari oleh kadar kematian secara terbunuh dan dibunuh dengan peningkatan yang membimbangkan semua pihak. Kemurniaan dan kemuliaan akal tidak lagi dihormati dengan menularnya gejala arak, lucah dan dadah yang lebih tinggi lagi dari peningkatan ilmu yang bermanfaat.

Keturunan secara terpelihara dengan moral yang luhur juga dijejaskan oleh maksiat penzinaan dan perkara yang menggalakkannya dan harta-benda juga tidak dipelihara dengan baik terutamanya harta-benda negara yang menjadi milik umum yang diamanahkan kepada pihak yang berkenaan sehingga dilanda oleh kemelesetan ekonomi yang ketara oleh kesilapan pihak yang berkenaan, yang tidak boleh dilindungi dengan dalih untuk menyalahkan orang lain semata-mata.

Insya-Allah, saya huraikan satu persatu untuk menjadi renungan bersama khususnya pihak kerajaan yang lebih besar memikul tanggungjawab dalam semua perkara tersebut.

Perkara pertama, memelihara agama. Islam yang diisytiharkan menjadi Agama Persekutuan melalui Perlembagaan dicemari oleh gejala murtad yang ketara. Menunjukkan keadaan yang sebenarnya tidak diberi tempat dan kedudukan yang tertinggi dan dimuliakan. Hanya sekadar menjadi simbol kosong dan rapuh, masjid yang dibina lebih bersifat sekadar menjadi perhiasan lahir. Pendidikan Islam dan pengajiannya yang dikatakan diberi perhatian itu sebenarnya tidak mencapai matlamat yang boleh mempertahankan akidah di dalam diri penganut di samping menghayatinya secara menyeluruh di dalam diri individu dan negara seperti yang diperintahkan oleh Allah, Tuhan Pencipta yang menurunkan Islam untuk alam seluruhnya.

Kefahaman umat Islam sendiri terhadap Islam sebelum menyampaikan orang lain terlalu meleset kerana tidak berganjak daripada apa yang telah ditetapkan prinsipnya oleh penjajah di zaman mereka berkuasa dahulu. Hanya sekadar untuk diri masing-masing secara terhad dengan membatasi pengetahuannya secara tidak mendalam sehingga dapat menghakiskannya sedikit demi sedikit.

Walaupun negara telah mencapai kemerdekaan sejak 40 tahun, namun Islam tidak kembali menjadi agama yang berdaulat seperti sebelum kedatangan penjajah di mana Islam yang pernah diamalkan dalam konteks individu sehingga ke peringkat negara yang melibatkan sebahagian besar perundangannya telah menjadikan rantau ini di masa itu wujudnya negara yang dihormati seperti Melaka dan lain-lain. Penjajah yang mengetahui rahsia kemuliaan umat ini dengan Islam, rahsia kemuliaan rantau ini dengan Islam, telah melaksanakan satu perancangan yang halus dan licin, dengan tidak menghapuskannya secara menyeluruh tetapi melalui ajaran sekularisme yang

diilhamkan daripada Kristian Barat dengan membatasi Islam melalui jabatan-jabatan agama yang mereka wujudkan dan perkara ini terus dilangsungkan selepas negara mencapai kemerdekaan. Bahkan program atau perancangan menghapuskan tulisan Jawi yang pernah menjadi ilmu alat yang penting untuk memahami Islam di rantau ini dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran dalam tahun 60an.

Di zaman negara telah mencapai kemerdekaan, generasi buta agama dan buta Al-Quran yang wujud sekarang adalah hasil daripada acuan yang direalisasikan oleh program pendidikan selepas negara mencapai kemerdekaan untuk meneruskan program yang telah ditetapkan oleh penjajah sebelumnya dengan sedikit pindaan mengikut keadaan semasa yang tidak mengubah dasarnya.

Kefahaman terhadap Islam terlalu rapuh sehingga tidak mampu menghadapi pengaruh yang meruntuhkan akhlak dan menjahanamkan akidah, maka dengan mudah sahaja boleh menjadi tidak berakhlak dan senang sahaja menjadi murtad dan lebih membahayakan lagi tidak ada pula pengetahuan tentang batas-batas iman dan kufur dan tidak ada pula undang-undang mencegah murtad.

Pihak Jabatan Perdana Menteri pernah mengeluarkan sebuah kitab yang bernama "Mustika Hadis", Jilid Pertama yang diberi kata aluan oleh Perdana Menteri. Di antara isi kandungannya ialah menerangkan perkara yang menyebabkan seseorang itu menjadi murtad dan hukumnya yang wajib dijatuhkan ke atas orang yang melakukan kesalahan murtad. Saya menghargai setinggi-tingginya kepada pihak yang mengarang, menyusun dan menerbitkan buku ini, mudah-mudahan Allah mencucuri rahmat yang sebanyak-banyaknya kepada roh-roh mereka yang berjasa besar ini.

Mereka telah menjalankan tugas dengan baik dan berjasa kepada Islam dan penganutnya di rantau ini. Tetapi perkara yang disebut di dalam kitab ini menunjukkan tidak sampai kepada semua pihak termasuk kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri sekarang yang bertugas dalam urusan agama Islam tidak membaca buku ini barangkali oleh kerana ia seringkali membuat kenyataan yang menunjukkan beliau tidak terpijak dengan gejala murtad yang berlaku sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di antara perkara yang disebut di dalamnya ialah sebab-sebab yang menjadikan seseorang itu murtad dan undang-undang yang wajib dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi menangani jenayah murtad. Seseorang itu menjadi murtad bukan sahaja dengan meninggalkan agama Islam secara menyeluruh. Boleh menjadi murtad juga apabila mengingkari atau menghina mana-mana hukum Islam atau memperkecilkannya atau menganggapnya tidak sesuai sama ada hukum dalam perkara wajib seperti kewajipan beribadat, halal dan haram, menafikan atau menghina atau memperkecilkan hukum qisas, hudud, hukum menutup aurat dan lain-lain. Begitu juga hukum-hukum haram, sunat dan yang diharuskan oleh agama Islam sedangkan perkara ini berleluasa dalam masyarakat Islam di semua peringkat.

Bermula daripada rakyat biasa sehingga pemimpin yang terkini, mengapa kejahilan dalam perkara aqidah Islamiah yang boleh menyebabkan jadi murtad ini berlaku dengan begitu rupa. Semua pihak mestilah bertanggungjawab terutamanya pihak kerajaan, wajib memelihara kedudukan agama Islam yang diisytiharkan menjadi agama negara ini.

Perkara ini tidaklah menyentuh hak orang bukan Islam yang menganut berbagai-bagai agama yang menjadi rakyat dalam negara ini. Islam tidak membenarkan paksaan terhadap penganut agama lain supaya menganut Islam. Perkara hukum murtad ini dikenakan kepada orang-orang Islam sahaja, sesiapa yang mahu menganut Islam di kalangan orang-orang yang bukan Islam mestilah mengetahui terlebih dahulu perkara ini secara fardu 'ain yang diwajibkan ke atas tiap-tiap orang Islam.

Hukum Islam telah menyenaraikan kesalahan murtad dalam perkara jenayah berat nombor satu kerana seseorang yang murtad itu mengkhianati janjinya kepada Allah, Rasulullah s.a.w. dan umat Islam seluruhnya. Islam juga menganggap seseorang yang murtad itu telah mengkhianati negara kerana ajaran Islam meletakkan negara menjadi sebahagian daripada hukum Islam yang tidak boleh dipisahkan daripadanya. Kalau negara sekular di dunia ini sama ada yang mengamalkan demokrasi atau dictatorship, sama ada Barat atau komunis

menjatuhkan hukuman yang keras terhadap pengkhianat negara, maka Islam juga meletakkan orang yang murtad itu mengkhianati Tuhan, umat dan negara seluruhnya, yang dikira lebih besar daripada kesalahan membunuh individu, mengedar dadah tetapi undang-undang negara kita telah menghilangkan perkara murtad, kerana undang-undang yang diamalkan ini sebenarnya telah dimurtadkan daripada Islam oleh pihak penjajah dahulu. Maka ia tidak bersedia untuk menjatuhkan hukuman ke atas orang-orang yang murtad.

Maka menjadi kewajipan kepada penganut Islam yang mewarisi negara ini setelah dimerdekakan supaya mengembalikan keIslamannya. Mengapa kita tidak mampu memerdekan Perlembagaan dan undang-undang negara kita yang masih wujud lagi belenggu penjajahan yang mengongkonginya.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga negeri-negeri yang mencuba untuk mewujudkan undang-undang murtad di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri iaitu negeri-negeri Kelantan, Negeri Sembilan dan negeri Melaka, tetapi masih wujud belenggu yang menghalangnya yang ada di dalam Perlembagaan yang diilhamkan oleh Suruhanjaya Reid yang sudah meninggal dunia, tetapi masih menghantui undang-undang negara di mana perkara ini perlu diselesaikan di peringkat kerajaan pusat.

Allah S.W.T. telah menegaskan betapa beratnya perkara murtad ini di dalam Al-Quranul Karim [*membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud: "Dan sesiapa di kalangan kamu yang murtad daripada agamanya, lalu ia mati dalam keadaan kafir, maka terhapuslah amalannya di dunia ini dan di akhirat nanti ia dimasukkan ke dalam neraka dan kekal selama-lamanya".

Sabda Rasulullah s.a.w [*membaca sepotong hadis*], yang bermaksud: "Sesiapa yang menukarkan agamanya daripada Islam, maka bunuhlah ia". Betapa besarnya tanggungjawab melaksanakan undang-undang murtad ini dibuktikan oleh nas daripada Al-Quran dan Al-Hadis yang menjadi sumber utama perundangan Islam. Ia ditegaskan secara nas seperti juga hukum beribadat yang diwajibkan kepada individu. Maka, orang-orang Islam yang berada di dalam kerajaan mempunyai kewajipan yang besar dalam perkara ini.

Saya ingin menyatakan bantahan yang sekeras-kerasnya kepada kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ahli Parlimen Sik yang bertanggungjawab dalam perkara agama kerana meletakkan perkara tukar agama kerana percintaan lebih didahulukan daripada kepentingan Islam, sehinggakan menyampingkan perkara murtad kerana Islam meletakkan kecintaan kepada Allah dan Rasul, yakni kepada Islam, mestilah lebih diutamakan lebih daripada segala-galanya.

Sabda Rasulullah s.a.w. [*membaca sepotong hadis*] yang bermaksud: "Tiga perkara, sesiapa yang mempunyainya maka ia mempunyai kemanisan iman. Yang pertama, Allah dan Rasul, yakni Islam, terlebih kasih kepadanya daripada yang lain. Yang kedua, ia tidak kasih kepada seseorang melainkan kerana Allah; dan yang ketiga, ia benci kembali menjadi kufur yakni murtad laksana benci kalau dicampak ke dalam api yang dinyalakan".

Tuan Yang di-Pertua, beliau juga membuat kenyataan bahawa pihak kerajaan mengambil pendekatan secara pendidikan. Perlu difahami bahawa cara pendidikan

hanya salah satu daripadanya dan merupakan langkah pencegahan yang perlu diwujudkan, tetapi undang-undang juga wajib menjadi salah satu daripada penyelesaiannya. Setelah pendekatan pendidikan dibolosi juga, ini cara yang diambil dalam semua masalah. Setelah pendekatan pendidikan dibolosi, maka hendaklah diadakan pendekatan tindakan undang-undang. Seperti mengatasi perkara jenayah, keruntuhan akhlak yang lain, kesalahan jalan raya dan termasuk kesalahan membuang sampah pun diadakan undang-undang.

Di samping memberi kesedaran kepada masyarakat, mengapa dalam perkara murtad diletakkan lebih rendah tarafnya daripada perkara membuang sampah. Kalau begini mentaliti menteri yang berkenaan, saya cadangkan supaya Perdana Menteri menghentikannya sahaja kerana bercanggah dengan semangat Malay Dilemma yang mengatakan bahawa menteri yang tidak berupaya hendaklah diberhentikan atau mengundurkan diri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mempertahankan akidah Islam dan meletakkan Islam di tempat yang sewajar dengan kemuliaannya di sisi Allah dan supaya yang diletakkan di dalam Perlembagaan menjadi Agama Persekutuan menurut mafhum daripada Islam yang sebenar bukannya seperti yang difahamkan oleh Suruhanjaya Reid yang sudah meninggal dunia itu.

Maka, saya mengemukakan kepada Persidangan Parlimen ini Usul Rang Undang-Undang Persendirian di bawah Peraturan Mesyuarat 49(1) mengandungi lima perkara yang perlu dilakukan oleh Kerajaan bagi membolehkan gejala murtad dicegah dengan cara yang lebih berkesan.

Pertama, Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi memasukkan Senarai Kedua, Jadual Kesembilan yang menjadi kunci ke arah melaksanakan undang-undang mencegah murtad.

Yang kedua, Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) yang membolehkan hukuman bunuh dikuatkuasakan seperti yang diperintah oleh hukum Islam.

Yang ketiga, Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) supaya menyenaraikan dalam bidang kuasa jenayah syariah itu termasuk juga kesalahan murtad.

Yang keempat, Rang Undang-Undang Kesalahan Syariah (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1998 bagi memasukkan ke dalam Seksyen 15A berkenaan huraian cara-cara berlakunya murtad. Hukuman yang dijatuhkan ke atasnya dan tindakan berikutnya.

Yang kelima, Rang Undang-Undang Kawalan dan Sekatan (Pengembangan Agama Bukan Islam) (Wilayah Persekutuan) 1998.

Saya tegaskan sekali lagi, undang-undang yang bersabit dengan murtad ini hanya melibatkan orang-orang Islam sahaja yang menjadi kewajipan agama yang diwajibkan oleh Islam kepada pihak kerajaan untuk memelihara agama. Ianya tidak ada kena mengena dengan penganut agama-agama lain yang telah sedia ada. Mereka tidak boleh dipaksa menganut Islam dan bebas melakukan upacara agama mereka dengan syarat tidak mengganggu ketenteraman awam.

Islam mewajibkan pihak yang berkenaan mengawal orang-orang yang telah menganut Islam sahaja, orang-orang bukan Islam boleh hidup dengan aman di seluruh negara yang majoriti penduduknya beragama Islam, di mana keadaannya sangat berbeza dengan keadaan minoriti Islam di negara-negara bukan Islam. Undang-undang yang bersabit dengan kesalahan murtad ini menjadi sebahagian daripada akidah negara yang membebaskannya daripada pengaruh saki-baki penjajahan dalam aspek perundangan.



Dengan ini maka kita dapat memerdekakan undang-undang daripada belenggu penjajahan. Kerajaan mestilah berani dalam menyelamatkan negara daripada gejala murtad yang mengancam keamanan dan keselamatannya. Kita hendaklah membebaskan diri daripada mematuhi kehendak penjajah melalui Suruhanjaya Reid yang meninggal dunia itu. Allah S.W.T berfirman (*membaca sepotong ayat Al-Quran*) yang bermaksud "Wahai orang-orang yang beriman, jika sekiranya kamu mentaati satu golongan di kalangan mereka yang mempunyai kitab, nescaya mereka dapat memurtadkan kamu setelah kamu beriman, berlaku kamu menjadi orang-orang yang kafir pula"

Tuan Yang di-Pertua, gejala murtad juga sangat mengancam perpaduan nasional. Apabila Islam yang menjadi agama majoriti rakyat dengan begitu rupa diperlakukan, boleh menjauhkan, boleh menyemarakkan kemarahan majoriti rakyat dan boleh mengancam perpaduan negara. Oleh kerana itu, maka Rang Undang-Undang murtad ini perlu diadakan bukan sahaja bagi kepentingan orang-orang Islam, tetapi juga bagi menjamin keamanan dan perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua perkara memelihara nyawa. Akhir-akhir ini seringkali disiarkan oleh media massa, berlakunya kematian sama ada disebabkan oleh penjenayah yang sengaja melakukannya melalui rompakan dan pembunuhan secara kejam atau kematian yang disebabkan oleh kemalangan jalan raya yang tidak disengajakan. Tetapi disebabkan oleh kecuaiannya, sehingga dikatakan jumlah kemalangan itu di antara yang tertinggi di dunia. Walaupun telah diadakan undang-undang jenayah yang tegas, dan undang-undang jalanraya yang disertakan dengan berbagai-bagai cara untuk memberi kesedaran kepada penggunaannya, namun kejadian kemalangan itu memuncak juga. Menunjukkan bahawa langkah memelihara nyawa manusia melalui undang-undang yang ada telah gagal dan tidak berkesan menangani masalahnya.

Saya pernah menegaskan di dalam Dewan ini, bahawa punca tiada keberkesanan undang-undang ciptaan manusia itu ialah kerana tiada aspek kerohanian yang mendidik individu dan masyarakat walaupun undang-undang itu keras dan tegas pada lahirnya sahaja. Perhitungan dosa pahala yang mendidik hati seseorang dan kesedaran terhadap sifat keprimanusiaan yang menjadi pencegahan awal adalah suatu perkara yang penting di mana perkara ini tidak boleh dibebaskan walaupun terlepas daripada tindakan undang-undang. Adapun dalam aspek tindakan undang-undang maka Islam tidak membebaskan orang lain dalam kesalahan jenayah yang dilakukan oleh seseorang. Ia mestilah direct kepada mereka yang terlibat samada penjenayah atau mangsa, negara juga tidak dibebankan untuk membiayai kesalahan yang dilakukan oleh seseorang.

Dalam kesalahan membunuh dengan sengaja, bukan sahaja Islam mewajibkan hukuman kisas sehingga membunuh penjenayah, tetapi sekiranya hak keampunan diberi kepada penjenayah maka yang berhak mengampun ialah mangsa atau keluarga mangsa bukannya lembaga pengampunan yang tiada kena mengena dengan kesalahan jenayah seperti yang berlaku sekarang di mana cara yang berlaku sekarang tidak mungkin menghilangkan dendam yang ada di dalam diri dan tidak memberi kesan di dalam mengatasi kesalahan jenayah membunuh. Begitu juga bayaran gantirugi yang diwajibkan kepada penjenayah atau keluarganya setelah diampun, bukannya ditanggung oleh pihak lain, seperti pihak insurans seperti yang berlaku sekarang. Tetapi hendaklah oleh penjenayah itu sendiri tanpa bersenang-lenang dengan dibantu oleh orang-orang lain sahaja.

Dalam jenayah merompak, dinyatakan tiga hukuman mengikut cara dan keadaannya seperti yang dinyatakan oleh Al-Quranul Karim (*membaca sepotong ayat Al-Quran*). Iaitulah sama ada dibunuh sekiranya membunuh sahaja, dibunuh dan disalib sekiranya membunuh dan merampas harta benda. Dipotong tangan dan kaki secara bersilang sekiranya mengambil harta dan dibuang daerah sekiranya mencuba

untuk merompak atau jumlah harta yang sedikit. Dalam kesalahan melakukan kematian tanpa niat atau disebabkan oleh kecuaiannya seperti kemalangan jalanraya, maka bayaran gantirugi juga hendaklah ditanggung oleh orang yang cuai itu. Dia sendirilah yang mencari dan berusaha untuk mendapatkannya supaya dibayar kepada mangsa atau kepada keluarganya. Di samping itu, ia juga dikenakan kafarah yang bersifat harta benda dengan memerdekakan seorang hamba di zaman ada hamba. Kalau tidak mampu hendaklah berpuasa dua bulan berturut-turut. Kesemua hukuman ini bukan sahaja diambil kira aspek jenayah semata-mata, tetapi juga dalam aspek ibadah dan menghilangkan dosa selepas meninggal dunia.

Sudah tiba masanya, semua pihak sedar dan insaf betapa besarnya tanggungjawab memelihara nyawa manusia supaya jangan dipandang sewenang-wenang dengan hanya melaksanakan undang-undang percubaan bukannya hukum Allah yang pasti adil dan berkesan. Kerana Allah itu bukan sahaja pencipta dan pemilik nyawa tetapi Maha Mengetahui dan bijaksana menjaganya. Islam sangat menghormati nyawa manusia. Al-Quran menegaskan perkara ini disebut dalam semua ajaran yang dibawa oleh para Rasul Alaihimussalatuwassalam. Firman Allah S.W.T (*membaca sepotong ayat Al-Quran*), maksudnya dinyatakan di dalam Kitab Taurat bahawa "Sesiapa yang membunuh satu nyawa seolah-olah ia membunuh nyawa seluruhnya, dan sesiapa yang menyelamatkan satu nyawa seolah-olah ia menyelamatkan nyawa seluruhnya".

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga perkara memelihara akal. Islam meletakkan akal di tempat yang sangat mulia dengannya membezakan manusia dengan makhluk yang lain. Tetapi terpuang kepada cara menggunakannya. Kalau baik dan menepati peranan manusia dengan pengisian ilmu yang memberi manfaat, moral yang luhur, maka manusia itu menjadi mulia. Tetapi kalau sebaliknya, manusia menjadikan seseorang itu lebih hina daripada binatang. Oleh itu maka akal hendaklah dipelihara dan dipupuk dengan ilmu dan kesedaran, berakhlak mulia tetapi terdapat di kalangan manusia yang menyalahgunakannya dengan berbagai-bagai cara seperti memabuk dan menghayalkannya dengan bahan-bahan yang memabukkan seperti arak dan dadah. Dan juga dengan alat-alat sebaran am, cetak dan elektronik, semua pihak wajib memberi perhatian untuk memelihara akal dengan berbagai-bagai persediaan. Seperti pihak kerajaan, mengadakan sekolah dan pusat-pusat pengajian di semua peringkat untuk menyebarkan ilmu. Mengadakan bahan-bahan yang memberi kesedaran yang baik dan kefahaman yang betul dan rakyat pula mestilah mengisinya dengan penglibatan yang sebaik-baiknya.

Dalam masa yang sama, hendaklah juga menyekat perkara yang merosakkan akal dan membinasakan peranannya dengan tindakan undang-undang dan sebagainya. Undang-undang juga hendaklah diadakan bagi bertindak ke atas mereka yang terlibat dengan kesalahan menyalahgunakan akal dan merosakkannya. Islam telah mengharamkan semua perkara yang boleh memusnahkan akal seperti arak, dadah dan lain-lain. Bukan sahaja dalam aspek duniawi tetapi juga dikenakan balasan selepas meninggal dunia. Dalam masa yang sama juga, diwajibkan kepada pihak kerajaan menguatkuasakan undang-undang yang bertindak ke atas kesalahan jenayah yang membabitkan akal, sama ada mereka yang melakukan kesalahan akal atau yang menjadi puncanya gejala-gejala sosial yang menjadi masalah negara dewasa ini, sebahagian besarnya berpunca daripada penyalahgunaan akal dan kemusnahannya yang berpunca daripada sebab yang tersebut di atas dan pihak kerajaan gagal melaksanakan program memelihara akal dan penguatkuasaan undang-undang yang mencegah perkara yang memusnahkannya juga gagal. Oleh kerana gejala yang berlaku seperti banjir yang tidak boleh disekat. Di sana terdapat kesilapan yang besar dalam tindakan negara bagi menangani masalah itu seperti tidak serius dalam membasmi perkara yang merosakkan. Contohnya, kerajaan mengharamkan penyalahgunaan dadah sahaja dalam masa yang sama membenarkan penggunaan arak yang lebih merbahaya daripada dadah. Masih ada kilang-kilang besar yang

mengeluarkan arak dengan banyak untuk keperluan negara dan eksport. Kedai penjualan arak berleluasa dengan banyak dan dilesenkan oleh pihak yang berkenaan. Kita tidak faham, siapakah yang hendak diraikan dalam perkara ini? Kerana pada dasarnya semua agama mengharamkan arak. Kalau ada yang menghalalkannya, ianya berlaku hasil penyelewengan yang berlaku daripada ajarannya yang asal. Semua ahli pendidikan dan semua pakar perubatan, sosiologi, psikologi menyenaraikan arak di kalangan perkara negatif yang menjahanamkan rohani, mental dan fizikal manusia. Seperti juga dadah dan Islam mengharamkannya lebih keras daripada dadah dengan menjadikan arak itu 'ibu' kepada segala maksiat yang lain. Kalau dadah yang dikawal dengan begitu rapi melalui tindakan undang-undang yang keras dan peranan media massa menyerangnya secara menyeluruh bukan sahaja di kaca TV yang ada pada tiap-tiap buah rumah, dipaparkan di muka akhbar dan majalah dan melalui siaran radio dan ucapan dalam berbagai-bagai majlis dan majlis ilmu yang dipacak iklan di tepi-tepi jalan.

Namun tidak boleh dikawal dengan berkesan kerana penularannya yang masih pesat di merata ceruk dan rantau, di daratan, lautan dan udara. Maka arak yang dibebaskan begitu rupa juga menular dengan pesat. Bukan sahaja menjadi minuman di hotel, ianya dihidangkan juga di atas pesawat penerbangan Malaysia yang dimiliki kerajaan atau separuh kerajaan. Sekarang ini dapat diminum dengan mudah pula oleh pelajar-pelajar sekolah kerana dijual di merata tempat oleh kedai-kedai yang berlesen dan dipasarkan oleh kilang-kilang yang sentiasa meningkatkan pengeluarannya.

Maka dilakukanlah kawalan kononnya melalui sekatan jalan raya untuk mengesan pemandu yang mabuk yang diharamkan ketika memandu sahaja, kalau tak memandu, dihalalkan.

Nampaknya kewajipan memelihara kemuliaan akal tidak dilaksanakan dengan sempurna. Perkara yang merosakkannya tidak dihapuskan secara menyeluruh, mungkin pihak kerajaan meletakkan keperluan harta mengatasi keperluan akal. Kalau dapat harta hilang akal, kalau akal 'sewel' pun tak mengapa asalkan dapat harta. Pengembangan akal melalui minat membaca sangat tidak menggalakkan. Perkembangan IT yang sepatutnya menyuburkan ilmu adakah dapat dihindarkan daripada perkara-perkara negatif yang menjahanamkan nilai akal dan budi, semuanya sangat membimbangkan kerana dasar yang lemah dan undang-undang yang melindunginya sangat rapuh. Sepatutnya impian Wawasan 2020 yang mematah balik kebelakang beberapa langkah sekarang menyedarkan kita supaya berhati-hati agar tidak mengejar untung seguni, dengan mencurahkan rugi apa yang ada berlipat kali ganda lebih banyak daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat, perkara memelihara keturunan. Perkara hidup berkeluarga secara halal menjadi satu nilai yang meninggikan martabat manusia yang mengandungi hikmah yang sangat besar dalam menyusun masyarakat secara bertanggungjawab dan teratur. Semua manusia yang ada rasa sifat kemanusiaan yang waras menyedari perlunya berkeluarga secara perkahwinan. Maka perkahwinan diakui oleh semua agama. Islam mengakui perkahwinan seseorang bukan Islam yang menganut Islam tanpa mengulangi perkahwinan sebelumnya walaupun mengikut cara agama orang yang berkenaan dan sebelumnya dengan adanya perjanjian kekeluargaan secara sah lebih mengikat seseorang itu dengan kewajipan memelihara keturunan yang menjadi salah satu ciri kemanusiaan dan kemasyarakatan.

Firman Allah S.W.T. (*membaca sepotong ayat Al-Quran*) yang bermaksud, "Wahai manusia bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu bermula daripada diri yang satu dan menjadikan daripada itu pasangannya dan membiakkan daripada keduanya zuriat keturunan lelaki dan perempuan yang ramai dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut namaNya dan peliharalah hubungan silaturrahim kaum kerabat, kerana sesungguhnya Allah sentiasa mengawasi kamu."

Maka Islam mengharamkan perzinaan dan pergaulan bebas yang merosakkan hubungan keluarga. Pengharamannya bukan sahaja melalui pendekatan pendidikan dan kesedaran tetapi juga dengan hukum haram dan halal dalam pergaulan dan mewajibkan kepada kerajaan menguatkuasakan undang-undang bermula daripada kesalahan akhlak secara ringan dalam pergaulan dan pakaian sehinggalah menetapkan undang-undang jenayah Hudud yang dinaskan dalam perkara kesalahan zina dan liwat, di samping mewajibkan undang-undang kazab menuduh tanpa saksi supaya ia tidak berlaku sewenang-wenangnya.

Kewajipan menjaga keturunan secara terhormat diwajibkan kepada individu, masyarakat dan kerajaan secara serentak. Ia mestilah dilaksanakan secara wajib di mana pihak yang mengabaikan kewajipannya boleh menjejaskan hidup berkeluarga yang menjamin keturunan yang baik dan selamat. Gejala sosial yang berlaku dalam masyarakat sekarang melibatkan juga kesalahan jenayah yang merosakkan keturunan manusia, berkembangnya penyakit sosial daripada pergaulan bebas, berlakunya perzinaan, merogol sehingga ke peringkat sumbang mahram, berlakunya pembuangan bayi ke dalam longkang, tong sampah dan sebagainya, menunjukkan kewajipan memelihara keluarga tidak dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Semua pihak perlu dipertanggungjawabkan dalam perkara ini. Menunjukkan kelemahan di dalam diri individu, di dalam keluarga, di dalam masyarakat dan di dalam negara. Sistem pendidikan dan pelajaran tidak dapat membentuk peribadi dan keluarga. Media juga memberi sumbangan yang tidak membentuk peribadi mulia, keadaan keliling tidak menolong membentuk peribadi yang baik. Undang-undang negara terlalu lemah dalam menangani kesalahan maksiat tersebut.

Kita merasa bimbang kemusnahan hidup berkeluarga yang mempengaruhi masyarakat Barat berjangkit ke negara kita. Tanda-tanda jangkitan telah wujud sekarang. Pihak kerajaan kelihatan hanya peka dalam perkara yang menjejaskan ekonomi dan menyentuh fizikal sahaja. Oleh kerana itu perhatian diberi dalam perkara AIDS dan menyentuh kepentingan ekonomi sahaja. Ada pun perkara negatif terhadap akhlak yang dikira tidak menyentuh wang dan tidak menyentuh tubuh badan maka perhatian diberi secara sambil lewa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, yang kelima, kewajipan menjaga harta-benda. Keperluan harta-benda yang dititikberatkan melalui bidang ilmu secara khusus yang dinamakan ekonomi menjadi salah satu keperluan hidup manusia di muka bumi ini. Dalam fekah Islam, diadakan bab yang khusus berkenaan dengannya diterangkan jenis harta-benda yang halal bagi semua keperluan dalam aspek kebendaan dan dinyatakan juga cara mencari dan mengendalikannya dalam bab khusus di bidang hukum Islam yang dinamakan muammalat. Mempertahankan harta-benda diletakkan oleh Islam menjadi suatu kewajipan. Harta-benda juga berkait dengan menunaikan perkara yang lain, tanpa harta benda maka kewajipan agama, kewajipan nyawa, kewajipan akal, kewajipan keturunan tidak boleh dilaksanakan dengan sempurna.

Akhir-akhir ini negara kita dilanda oleh masalah ekonomi yang berlaku secara mengejut, ketika sedang berkembang maju dengan pesatnya sebelum kita meletakkan sebab luaran dan sabotaj daripada orang lain. Perhitungan pada diri sendiri hendaklah dilakukan dengan adil dan dalam menanganinya kita tidak harus hilang perhitungan sehingga menyambar tanpa perhitungan lalu menyalahgunakan kuasa dan mengambil kesempatan daripada hak orang lain, kerana memelihara kalangan tertentu yang menjadi 'Qarun' dalam negara ini yang mengambil kesempatan daripada kekayaan di masa lalu dan menjadi punca kegawatan ekonomi.

Terdapat perkara-perkara dasar yang dilakukan oleh pihak yang berkenaan dalam bidang ekonomi, iaitu mengejar ekonomi tanpa mengira halal dan haram dan bersikap boros yang menjadi salah satu dari perangai syaitan. Dalam aspek pertama terjebak ke dalam rangkaian tipu daya Yahudi, di peringkat awal Perdana Menteri

membuat kenyataan menghentam Yahudi tetapi akhir-akhir ini terpaksa ditarik balik kerana ketakutan dengan ancaman Yahudi antarabangsa yang menguasai ekonomi dunia.

PAS telah memberi amaran sejak dahulu lagi betapa amalan riba dan monopoli ekonomi oleh kalangan tertentu dalam negara akan menjadi bala bencana pada akhirnya, tetapi amaran itu tidak diambil kira, apa dipandang sambil lewa sahaja. Dalam aspek kedua PAS memberi amaran dalam Dewan ini dan beberapa persidangan dan perbincangan yang disertai terhadap projek-projek boros yang berleluasa di dalam negara, semata-mata kerana mahu bergaya kaya, namun amaran itu dianggap dari orang bodoh yang tidak tahu ekonomi. Dalam beberapa persidangan lalu

**Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan Ong Tee Keat) :** Yang Berhormat, hari sudah suntuk, Yang Berhormat boleh sambung besok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.***